

"DEMIKIANLAH (ajaran Allah) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar Allah (seperti ibadah korban) maka sesungguhnya perbuatan itu adalah terbit daripada ketakwaan hati (kepada Allah)".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Haj, ayat 32.

NBD - REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE TERUS KUKUHKAN HUBUNGAN KERJASAMA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, sebagai rakan kongsi rapat, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Timor-Leste berada dalam kedudukan yang baik bagi memperkukuh kerjasama, sama ada secara dua hala mahupun dalam ASEAN dengan cara praktikal, konstruktif dan berpandangan jauh.

Justeru, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dokumen-dokumen yang ditandatangani semasa lawatan ini mencerminkan komitmen bersama.

Ia, titah baginda lagi, melambangkan kemajuan konkrit dalam memperkukuh perkongsian dan menyokong pembangunan berterusan selain menyediakan asas bagi manfaat yang ketara dan berkekalan bagi rakyat di kedua-dua buah negara.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmi berkenaan. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.



Berita Utama



MEMPERKUKUH kerjasama dua hala dalam sektor kesihatan

Muka 7



MEMPERKUKUH model perniagaan, menyokong golongan berpendapatan rendah

Muka 11



MENYOKONG ekosistem terumbu karang berkembang dengan baik

Muka 19

Kebawah DYMM akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 serta Sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan

pada 7 hingga 8 Mei 2026 di Cebu City, Republik Filipina.

Republik Filipina, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini, dengan tema 'Navigating Our Future, Together' mencerminkan komitmen Republik Filipina untuk menerajui ASEAN dengan bersepakat, jelas dan bermatlamat dengan tujuan untuk membina rantau Asia Tenggara lebih berdaya tahan dan saling

terhubung secara mendalam, mengutamakan kemajuan yang bermakna dan berfokuskan rakyat.

Sidang Kemuncak tersebut akan memajukan perbincangan mengenai tiga tonggak Komuniti ASEAN berpandukan keutamaan strategik di bawah kepimpinan Republik Filipina iaitu tunjang keamanan dan keselamatan; koridor kemakmuran serta pemerikasaan rakyat.

>> Muka 6

Perasmian Inisiatif Laluan Makkah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Isnin, 4 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah disenaraikan dalam 10 buah negara yang diberikan keistimewaan pelaksanaan Makkah Route Initiative, iaitu satu inisiatif Kerajaan Arab Saudi yang bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan perjalanan jemaah haji.

Pelaksanaan pada Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha di bawah Wawasan 2030 Arab Saudi (Saudi Vision 2030) yang menekankan peningkatan kualiti perkhidmatan terhadap para *duyufurrahman*.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, urusan kemasukan jemaah haji negara ini ke Arab Saudi akan lebih cepat dan mudah, iaitu dengan menyelesaikan proses imigresen lebih awal di negara ini tanpa perlu menjalani pemeriksaan imigresen semasa tiba di Lapangan Terbang Madinah nanti.

Manakala bagasi jemaah akan dilabel dan disusun lebih awal di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) mengikut penempatan hotel jemaah di Madinah bagi memudahkan proses penghantaran terus bagasi ke hotel penginapan.

Sehubungan ini, Majlis Perasmian Pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah (Makkah Route Initiative) bagi Jemaah Haji NBD 1447H / 2026M telah diadakan pagi tadi

dengan kerjasama pihak Kerajaan Arab Saudi di LTAB, iaitu semasa penerbangan pertama jemaah haji NBD.

Hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut bagi pihak Kerajaan NBD ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Manakala bagi pihak Kerajaan Arab Saudi ialah Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bagi Inisiatif Laluan Makkah dan Penasihat kepada Menteri Dalam Negeri Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Sulaiman bin Abdulaziz Al-Yahya.

>> Muka 9



PEMBAYARAN tanpa sentuhan memudahkan perniagaan

Muka 20

NBD - Republik Demokratik Timor-Leste terus kukuhkan hubungan kerjasama

>> Muka 1

"Memandang ke hadapan, Negara Brunei Darussalam kekal komited sepenuhnya untuk bekerjasama rapat bersama Republik Demokratik Timor-Leste dalam merealisasikan Visi Komuniti ASEAN 2045," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Persantapan Rasmi yang diadakan bagi meraikan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman, hari ini.

Terdahulu, baginda bertitah dengan penuh sukacita

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas

mengalu-alukan tiba Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão serta delegasi ke NBD.

Lawatan ini, titah baginda, membawa makna yang signifikan. Ia berlangsung pada saat yang penting bagi Republik Demokratik Timor-Leste, susulan penyertaannya yang bersejarah ke dalam ASEAN sebagai anggota ke-11, satu pencapaian yang mencerminkan bukan sahaja kejayaan tetapi juga keazaman teguh.

Baginda bertitah lagi, perjalanan

Republik Demokratik Timor-Leste dalam menyertai ASEAN bukan suatu yang mudah. Ia memerlukan ketabahan, disiplin dan komitmen yang tidak berbelah bahagi.

"Pencapaian ini merupakan bukti kepimpinan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri dan keazaman rakyat untuk menjamin kestabilan dan kemakmuran masa depan. Hari ini, keahlian Republik Demokratik Timor-Leste dalam ASEAN bukan sahaja sebagai pemerhati, tetapi sebagai peserta dan yang penting, sebagai penyumbang yang bersedia untuk memperkukuh daya tahan kolektif kita dan membantu membentuk masa depan rantau ini," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kebawah DYMM bertitah, ketegangan yang berlaku baru-baru ini di Teluk Parsi menunjukkan bagaimana perkembangan di satu rantau boleh memberi implikasi yang cepat dan meluas terhadap keamanan, keselamatan dan kestabilan ekonomi di rantau lain.

Dalam konteks ini, titah Kebawah DYMM, komitmen



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão pada Majlis Persantapan Rasmi berkenaan.

kita terhadap kerjasama serta prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Piagam ASEAN dan undang-undang antarabangsa perlu kekal teguh, konsisten dan berwibawa dalam usaha memajukan aspirasi bersama ASEAN.

Dalam mengakhiri titah, baginda merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, kerajaan dan rakyatnya sempena persiapan menyambut 24th Independence Restoration Day pada penghujung bulan ini.



PARA tetamu yang turut hadir pada Majlis Persantapan Rasmi tersebut.

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASTHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6	RABU	18	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
7	KHAMIS	19	4.36	4.46	6.07	6.31	12.18	3.37	6.26	7.39
8	JUMAAT	20	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.37	6.26	7.39
9	SABTU	21	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
10	AHAD	22	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
11	ISNIN	23	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
12	SELASA	24	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 33 25 °C	33 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar 33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 24 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

6 MEI 2026

Jaga hubungan sesama insan

ALHAMDULILLAH, setiap minggu pertama bulan Mei Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Keluarga Kebangsaan. Ini adalah peluang untuk kita selaku warga Negara Brunei Darussalam mengimbas kembali kenangan keakraban kekeluargaan di negara ini. Menjaga hubungan kekeluargaan ini sama seperti menjaga hubungan sesama insan.

Seorang Muslim, dalam interaksinya sesama manusia, sentiasa menyebarkan kebaikan kepada sesiapa sahaja tanpa melihat kepada warna kulit, bangsa, agama dan latar belakang. Menjadi kepentingan kita untuk menjaga hubungan sesama insan seperti tidak mengambil kesempatan, ikhlas dalam perhubungan sama ada sesama keluarga, rakan kerja atau siapa sahaja. Elakkan daripada mengambil kesempatan dan elakkan daripada mengkhianati kepercayaan dalam kekeluargaan dan persahabatan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 199 antara lain makna terjemahannya: "Terimalah apa yang mudah engkau lakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya)". Berkaitan dengan ayat tersebut, kita mesti saling menghargai dan menghormati dalam menjaga keharmonian sesama insan. Dengan adanya dua sikap tersebut maka akan timbul rasa saling memaafkan. Kerana jika seseorang sudah menghormati dan menghargai maka sikap memaafkan pun akan sentiasa ada.

Maka daripada penjelasan di atas dapat dijadikan kesimpulan bahawa kunci daripada menjaga keharmonian sesama insan bermula dengan tiga sikap, saling menghargai, saling menghormati dan saling memaafkan.

Apabila ketiga-tiga sikap tersebut sudah ada pada diri setiap manusia, maka keharmonian akan mudah tumbuh dalam kehidupan. Dengan keharmonian inilah yang menjadikan kehidupan sesama insan menjadi aman dan sejahtera. Kesejahteraan merupakan impian setiap insan dalam kehidupan seharian. Maka dari itu, mari kita sama-sama menjaga keharmonian dan kesejahteraan dengan saling menghargai, menghormati, dan memaafkan. Sebagai contoh, hubungan Negara Brunei Darussalam dengan negara luar juga kian akrab. Ini menjadikan kehidupan kita sentiasa aman dan sejahtera.

Jadikanlah Hari Keluarga Kebangsaan ini sebagai platform untuk kita membina ukhuwah kekeluargaan dan persahabatan. Marilah kita sama-sama menghayati erti kekeluargaan kerana pada zaman yang penuh mencabar ini dengan adanya teknologi boleh menjadi jurang atau sempadan dalam institusi keluarga. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini ingin membawa para pembaca untuk menerokai kepentingan dalam menjaga hubungan sesama insan. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS PERSANTAPAN RASMI RAIKAN LAWATAN PERDANA MENTERI REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi berkenaan. Turut berangkat dan hadir, kerabat diraja dan delegasi rasmi Republik Demokratik Timor-Leste (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan lawatan Tuan

Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste.

Berangkat sama pada Majlis Persantapan Rasmi yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman berkenaan ialah kerabat diraja dan delegasi rasmi Republik Demokratik Timor-Leste.

Majlis Persantapan Rasmi dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka



Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengumiakan titah.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão dalam ucapan balas menyambangkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste pada tahun 2024 akan tetap dikenang dan dihargai.

Tuan Yang Terutama menyambangkan, keberangkatan tersebut mencerminkan hubungan kukuh yang memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

"Negara Brunei Darussalam (NBD) memainkan peranan penting di rantau ini. Dengan kepimpinan bijaksana dan komitmen Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada ASEAN, NBD menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran di seluruh Asia Tenggara," sembah TYT.

TYT seterusnya menyambangkan, keahlian Republik Demokratik Timor-Leste dalam ASEAN merupakan aspirasi yang telah lama diimpikan untuk direalisasikan. Sebagai Ahli ASEAN, sembah TYT lagi, Republik Demokratik Timor-Leste kini menjadi sebahagian daripada komuniti ekonomi dan strategik serantau dan komited dalam menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan

kemakmuran bersama.

Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2029, sembah TYT, Republik Demokratik Timor-Leste berharap untuk bekerjasama rapat dengan NBD dalam usaha menuju kepada pencapaian penting bagi Republik Demokratik Timor-Leste.

"Republik Demokratik Timor-Leste menghargai persahabatan yang ditunjukkan oleh NBD dan sokongan berterusan yang diberikan. Terima kasih atas layanan mesra kepada saya dan delegasi sepanjang Lawatan Rasmi ini," sembah TYT.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste telah terjalin secara rasmi pada 20 Mei 2002. Kedua-dua buah negara menikmati hubungan dua hala yang erat dan mesra dan terus memperkukuh kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan, pembangunan kapasiti, kesihatan, tenaga dan pertukaran antara rakyat.

Lawatan Rasmi ini mencerminkan persahabatan yang berpanjangan dan komitmen untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dan kerjasama serantau,



TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste dalam ucapan balasnya (atas). Manakala gambar bawah, Yang Berhormat Mufti Kerajaan membaca Doa Selamat. Sementara gambar kanan, para tetamu yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama TYT Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda melambai mesra kepada TYT Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste setelah selesai menghadiri majlis berkenaan.

KEPENTINGAN KERJASAMA DALAM MEMPERKUKUH DAYA TAHAN EKONOMI NEGARA



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang

Terutama Kay Rala Xanana Gusmão, yang diadakan di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, di sini, sempena Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 3 hingga 6 Mei 2026.

Semasa Mesyuarat Dua Hala berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

bertitah, mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste serta rombongan ke NBD.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menzahirkan rasa sukacita bahawa NBD adalah destinasi lawatan pertama selepas penyertaan bersejarah Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Ahli Ke-11 ASEAN serta merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão. Turut berangkat, paduka anakanda baginda (kiri dan atas).

Tuan Yang Terutama, kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Timor-Leste atas pencapaian yang amat bermakna tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menzahirkan rasa sukacita terhadap kerjasama erat dan berkekalan yang telah terjalin sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 2002, yang kini berkembang berteraskan kepercayaan bersama.

Dalam titah, baginda turut menekankan kepentingan kerjasama antara kedua-dua negara dalam memperkukuh daya tahan ekonomi sebagai negara pengeluar minyak dan gas.

Kedua-dua pemimpin seterusnya juga membincangkan hubungan kerjasama dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão (atas), manakala gambar-gambar di bawah, sekitar Majlis Penandatanganan MoU berkenaan.

3 Memorandum Persefahaman ditandatangani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan tiga Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste.


Majlis Penandatanganan MoU

dimulakan dengan penandatanganan MoU mengenai kerjasama tenaga yang ditandatangani di antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Petroleum dan Sumber Mineral, Tuan Yang Terutama Francisco da Costa Monteiro.

Setelah itu, diikuti dengan penandatanganan MoU mengenai kerjasama kesihatan antara Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kementerian Kesihatan Republik Demokratik Timor-Leste. Mewakili Kementerian Kesihatan NBD ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; manakala Kementerian Kesihatan Republik Demokratik Timor-Leste pula diwakili oleh Menteri Kesihatan, Puan Yang Terutama Élia António de Araújo dos Reis Amara.

Seterusnya, menandatangani MoU antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste mengenai penubuhan mekanisme bagi perundingan dua hala ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama, Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas.



BERKENAN MENERIMA MENGADAP PM REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão yang berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Rasmi (atas dan kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão

yang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Lawatan Rasmi pada 3 hingga 6 Mei 2026.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman dan berangkat sama ke majlis tersebut ialah kerabat diraja.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Menteri Pengiring dan delegasi rasmi Republik Demokratik Timor-Leste.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar dan bersalaman dengan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste (kiri sekali dan kiri).



MAJLIS Mengadap tersebut berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman dan berangkat sama ke majlis tersebut ialah kerabat diraja serta dihadiri oleh delegasi rasmi Republik Demokratik Timor-Leste.

BERKENAN MENERIMA MENGADAP PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak bin Sulaiman (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima

mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak bin Sulaiman, hari ini.

Menyertai Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak pada Majlis Mengadap yang

berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan dan pegawai-pegawai kanan dari Angkatan Tentera Malaysia.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia menikmati

hubungan pertahanan yang erat dan berterusan, yang diperkukuhkan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pertahanan yang dimeterai pada 14 Februari 1992 serta menerusi kerjasama pertahanan yang berterusan di pelbagai platform pelbagai hala.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak dan seterusnya menerima pesambah (kiri dan atas).

Kebawah DYMM akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

>> Muka 1

Sidang Kemuncak Khas BIMP-EAGA juga akan diadakan pada atur cara sampingan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-48 yang akan melancarkan dokumen Visi BIMP-EAGA 2035 (BEV 2035), yang antara lain menggariskan

panduan praktikal termasuk hala tuju bagi tempoh 10 tahun (2026-2035) yang akan datang, mengukuhkan hubungan sub-serantau, menggalakkan pertumbuhan mampan serta meningkatkan daya tahan ke arah mencapai kemakmuran bersama di seluruh BIMP-EAGA.

PARA pemimpin ASEAN melambaikan tangan ketika bergambar ramai pada Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di luar kawasan Dewan Persidangan Hotel Shangri La, Mactan, Cebu pada 13 Januari 2007.

LAWATAN KERJA KE BRUNEI SHELL PETROLEUM

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

SERIA, Selasa, 5 Mei. - Rombongan Republik Demokratik Timor-Leste yang sedang dalam lawatan ke negara ini pada petang tadi telah mengadakan Lawatan Kerja ke Brunei Shell Petroleum (BSP) Sdn. Bhd. di Panaga, Seria, di sini.

Ketibaan Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras bagi Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Tuan Yang Terutama Francisco Kalbuadi Lay; serta Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras Hal Ehwal

Sosial dan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Perumahan Komuniti Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Mariano Assanami Sabino, dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Demokratik Timor-Leste ialah Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum, Johan Ateama.

Semasa lawatan rombongan Republik Demokratik Timor-Leste berkenaan diberikan penerangan mengenai operasi perniagaan BSP.

Sebelum meninggalkan BSP, rombongan dari Republik Demokratik Timor-Leste turut berkesempatan dibawa dalam sesi bergambar ramai.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir mengalu-alukan rombongan dari Republik Demokratik Timor-Leste bagi Lawatan Kerja di Brunei Shell Petroleum (BSP) Sdn. Bhd. di Panaga, Seria. Turut hadir, mengalu-alukan ketibaan rombongan Republik Demokratik Timor-Leste ialah Pengarah Urusan BSP Sdn. Bhd.

Delegasi Republik Demokratik Timor-Leste adakan lawatan ke BLNG



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyempurnakan sesi penyampaian cenderahati.

pekarangan Ibu Pejabat Brunei LNG, delegasi tersebut dialu-alukan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Terdahulu sebelum lawatan, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Brunei LNG, Niels Dijkman menyampaikan ucapan alu-aluan dan seterusnya para delegasi dibawa melawat bagi Plant Tour dan menyaksikan sendiri bagaimana LNG dihasilkan dan dihantar. Lawatan diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati.

Juga hadir, Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Brunei LNG telah ditubuhkan lebih 50 tahun yang lalu pada 9 Disember 1969, sebagai projek LNG pertama di rantau Pasifik Barat yang memulakan pencairan gas asli berskala besar sehingga hari ini dan kini merupakan Loji LNG yang paling lama beroperasi di dunia.

Brunei LNG menghasilkan dan menghantar LNG. Gas asli ialah bahan api fosil paling bersih, bersedia untuk mengatasi batu kedua terbesar di dunia.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BELAIT, Selasa, 5 Mei. - Delegasi dari Republik Demokratik Timor-Leste mengadakan Lawatan Kerja ke Ibu Pejabat Brunei Liquefied Natural Gas Sendirian Berhad (LNG), Lumut, di sini, petang tadi.

Delegasi diketuai oleh Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Pelancongan dan



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir mengalu-alukan delegasi dari Republik Demokratik Timor-Leste yang mengadakan Lawatan Kerja di Ibu Pejabat Brunei Liquefied Natural Gas Sendirian Berhad, Lumut.

Memperkukuh kerjasama dua hala dalam sektor kesihatan

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre

JERUDONG, Selasa, 5 Mei. – Jerudong Park Medical Centre (JPMC) hari ini menerima kunjungan rasmi Menteri Kesihatan Republik Demokratik Timor-Leste, Puan Yang Terutama Élia António de Araújo dos Reis Amaral ke JPMC sebagai sebahagian daripada Lawatan Rasmi.

Ketibaan Puan Yang Terutama Menteri Kesihatan Republik Demokratik Timor-Leste dialu-alukan oleh Ahli Lembaga Pengarah JPMC, Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin bersama barisan Eksekutif Tertinggi JPMC yang terdiri daripada Ketua Pegawai Perubatan, Dr. Awang Haji Muhd. Syafiq bin Abdullah; Ketua Pegawai Kewangan, Bun Pei Ling; Ketua Pegawai Operasi, Neelakannan Periyasamy dan Ketua Pegawai Sumber Manusia, Salehin Basir.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) selaku Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif serta wakil kanan kerajaan.

Delegasi dari Republik Demokratik Timor-Leste yang mengiringi Puan Yang Terutama termasuk wakil kanan kerajaan, antaranya Ketua Pengarah Perkhidmatan Korporat dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Ambulans dan Kecemasan, yang mengiringi PYT sepanjang lawatan.

Lawatan ini diadakan bagi memberikan gambaran keseluruhan mengenai perkhidmatan penjagaan kesihatan serta kemudahan rawatan khusus yang tersedia di JPMC.

Sepanjang lawatan, PYT dan delegasi telah diberi taklimat mengenai keupayaan institusi, diikuti dengan lawatan ke Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre (BNSRC) dan The Brunei Cancer Centre (TBCC), di mana mereka melawat kemudahan utama termasuk Bilik Terapi Robotik dan The Nuclear Medicine Department.

Delegasi juga berpeluang berinteraksi dengan para profesional kesihatan serta melihat teknologi canggih yang menyokong penjagaan pesakit.

Lawatan ini menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama dua hala dalam sektor kesihatan, memupuk pertukaran ilmu dan kepakaran serta meningkatkan kerjasama serantau dalam menangani keutamaan kesihatan bersama.

Ia juga mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua negara dalam memajukan standard penjagaan kesihatan dan menggalakkan persefahaman bersama.



PUAN Yang Terutama Menteri Kesihatan Republik Demokratik Timor-Leste mengadakan kunjungan rasmi ke Jerudong Park Medical Centre.

Jadual penerbangan jemaah haji dikemas kini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Dengan hormat sukacita merujuk kepada Siaran Media Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terdahulu mengenai pengemaskinian waktu berlepas dan ketibaan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa waktu bertolak jemaah haji dari NBD bagi penerbangan kedua pada Selasa, 5 Mei 2026; penerbangan ketiga pada Rabu, 6 Mei 2026 dan penerbangan keempat pada Khamis, 7 Mei 2026 telah diubah kepada pukul 11.45 pagi (sebelum ini pukul 10.15 pagi).

Sehubungan itu, bakal-bakal jemaah haji NBD adalah dipohonkan untuk mengambil maklum dan perhatian terhadap perubahan waktu berkenaan.

DIALOG PERNIAGAAN PERKUKUH PERKONGSIAN, KEMBANGKAN PASARAN SERANTAU



Oleh : Pg. Syi'aruddin bin Pg. Daudin
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Selasa, 5 Mei. - Kerjasama ekonomi antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Timor-Leste terus diperkukuh menerusi Sesi Dialog Perniagaan Republik Demokratik Timor-Leste yang berlangsung pagi tadi di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, di sini.

Hadir pada sesi berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Atur cara diisikan dengan alu-aluan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres yang antara lain menekankan bahawa sesi ini adalah merupakan

kesinambungan daripada lawatan rasmi Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste yang berjaya memperkukuh hubungan dua hala.

Manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam ucapannya menekankan bahawa NBD mengalu-alukan keanggotaan Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Anggota ASEAN yang Ke-11.

Yang Berhormat seterusnya

SESI Dialog Perniagaan Republik Demokratik Timor-Leste yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

menjelaskan bahawa kemasukan Republik Demokratik Timor-Leste merupakan satu mercu tanda yang mengukuhkan rantau ini dan membuka laluan baharu untuk kerjasama.

Bagi NBD, terang Yang Berhormat lagi, ini memberi peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memperdalam perkongsian, mengembangkan pasaran dan melibatkan diri dengan lebih bermakna dalam rantaian nilai serantau.

Yang Berhormat turut mengingatkan bahawa hubungan diplomatik antara kedua-dua negara telah terjalin erat sejak 2002, dan diperkukuh lagi menerusi Lawatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ke Republik Demokratik Timor-Leste pada Mei 2024.

Acara kemudiannya diteruskan dengan tayangan video bertajuk 'Opportunities in Timor Leste', diikuti dengan video mengenai minyak dan gas Republik Demokratik Timor-Leste, serta video 'Invest in Brunei'.

Sesi perbincangan bagi mengenal pasti peluang kerjasama antara NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste yang dipengerusikan oleh Allen Lai turut menampilkan pembentangan ringkas mengenai peluang dalam sektor minyak dan gas, kesihatan dan pelancongan di Republik Demokratik Timor-Leste, serta peluang pelaburan dan perniagaan di Brunei.

Acara diakhiri dengan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Stracom Global dan Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Francisco Kalbuadi Lay, meliputi dua MoU iaitu dalam sektor kesihatan serta pembangunan dan kerjasama.

254 bakal jemaah haji penerbangan kedua bertolak ke Madinah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Selasa, 5 Mei. - Penerbangan kedua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah bertolak meninggalkan negara ini pada pukul 12.06 tengah hari (waktu Brunei) dengan menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4203 dan dijangka tiba di Madinah Al-Munawwarah pada pukul 5.15 petang waktu tempatan (waktu Madinah).

Jumlah keseluruhan bakal jemaah haji termasuk para Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan) serta syarikat-syarikat pengendali haji ialah seramai 254 orang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 112 orang adalah jemaah haji lelaki termasuk enam pegawai syarikat pengendali haji dan sorang pegawai perubatan.

Manakala 142 orang adalah jemaah haji perempuan termasuk dua orang pegawai perubatan.

Bagi pecahan jumlah bakal jemaah haji, Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) menghantar tiga orang pegawai terdiri daripada seorang lelaki dan dua perempuan.

Sementara itu, Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) membawa seramai 75 orang terdiri daripada 32 lelaki dan 43 perempuan termasuk dua pegawai syarikat.

Syarikat Dar El Ehsan Travel Sendirian Berhad pula membawa seramai 127 orang terdiri daripada 56 lelaki dan 71 perempuan termasuk tiga pegawai syarikat.

Sementara itu, Syarikat Titian Travel and Tours Sendirian Berhad membawa seramai 49 orang terdiri daripada 23 lelaki dan 26 perempuan termasuk seorang pegawai syarikat.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan kedua ini ialah pegawai-pegawai daripada Pejabat Urusan Jemaah Haji

(Perubatan), DSSB, Syarikat Dar El Ehsan Travel Sendirian Berhad dan Syarikat Titian Travel and Tours Sendirian Berhad.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan isteri; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan isteri; serta bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman; serta Ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

Doa Selamat dibacakan oleh imam Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Manakala azan dilaungkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Kementerian Pertahanan terima lawatan Panglima Angkatan Tentera Malaysia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BERAKAS, Selasa, 5 Mei. - Kementerian Pertahanan hari ini menerima Lawatan Pengenalan daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak bin Sulaiman.

Sejurus ketibaan, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak disambut oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan menerima Tabik Hormat Panglima dari Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Sejurus selesai memeriksa Kawalan Kehormatan, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak seterusnya membuat kunjungan muhibah kepada Pemerintah ABDB.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pemimpin menyatakan hasrat untuk mengekalkan dan meneruskan kerjasama tentera secara konsisten di antara kedua-dua Angkatan Tentera.

Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak juga telah membuat Kunjungan Hormat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Semasa kunjungan tersebut, kedua-dua pihak mengesahkan komitmen berterusan bagi memperkukuhkan hubungan pertahanan dan ketenteraan dua hala yang sedia ada.

Kedua-dua belah pihak juga menyatakan hasrat untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan melalui pelbagai platform dua hala dan pelbagai hala serta peluang untuk meneroka bidang kerjasama yang baharu.

Yang Berbahagia Panglima Angkatan Tentera Malaysia sedang berada di Negara Brunei Darussalam bagi Lawatan Rasmi dari 4 hingga 6 Mei 2026.



PANGLIMA Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Datuk Haji Malek Razak bin Sulaiman memeriksa Kawalan Kehormatan.

PERASMIAN INISIATIF LALUAN MAKKAH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut bagi pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam manakala bagi pihak Kerajaan Arab Saudi ialah Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bagi Inisiatif Laluan Makkah dan Penasihat kepada Menteri Dalam Negeri Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Sulaiman bin Abdulaziz Al-Yahya (kiri, kiri sekali dan bawah kiri). Sementara gambar bawah, pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah, iaitu satu inisiatif Kerajaan Arab Saudi yang bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan perjalanan jemaah haji.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff;

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shambahry bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha serta delegasi

dari pihak Kerajaan Arab Saudi. Penyertaan NBD dalam inisiatif ini merupakan satu pengiktirafan daripada Kerajaan Arab Saudi terhadap kecekapan Pengurusan Haji NBD serta kepatuhan terhadap peraturan-peraturan yang ditetapkan, di samping mencerminkan hubungan erat dan baik antara kedua-dua buah negara.



Penerbangan pertama bakal jemaah haji negara selamat berlepas



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas kiri). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, penerbangan pertama bagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bertolak ke Madinah pada pukul 10.36 pagi menggunakan pesawat Royal Brunei (RB) B14201 dan dijangka tiba pada pukul 5.15 petang waktu Madinah.

BERAKAS, Isnin, 4 Mei. - Penerbangan pertama bagi bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bertolak ke Madinah pada pukul 10.36 pagi hari ini menggunakan pesawat Royal Brunei (RB) B14201 dan dijangka tiba pada pukul 5.15 petang waktu Madinah.

Penerbangan tersebut membawa sejumlah 254 bakal jemaah haji termasuk pegawai Maktab Urusan Haji Perubatan, Pegawai Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Pegawai Syarikat Straits Central Agencies Sendirian Berhad.

Seramai 101 bakal jemaah haji terdiri daripada 47 lelaki dan 54 perempuan mengikuti Syarikat Darussalam Holdings Sendirian Berhad manakala seramai 150 iaitu 81 lelaki dan 69 perempuan pula

mengikuti Syarikat Straits Central Agencies Sendirian Berhad.

Mengiringi bakal-bakal jemaah haji bagi penerbangan pertama ialah Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan), Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd dan Pegawai Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA).

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Haris bin Haji Suboh dan azan dilaungkan oleh Imam Tingkat III, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar

kepada bakal-bakal jemaah haji NBD ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, dan Datin serta Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan bagi Inisiatif Laluan Makkah dan Penasihat kepada Menteri Dalam Negeri Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Sulaiman bin Abdulaziz Al-Yahya.

Juga hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shambahry bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad

Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dan Datin dan bakal Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha.

Hadir sama bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal jemaah haji NBD ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, dan isteri, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Selain itu, juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar, dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri serta ahli jemaah penasihat haji, pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah KHEU.



DELEGASI REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE ADAKAN LAWATAN KE BFI



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi BFI hadir bagi mengalu-alukan ketibaan delegasi Republik Demokratik Timor-Leste berkenaan (atas), manakala gambar kanan, sepanjang lawatan tersebut, pihak pengurusan BFI memberikan taklimat menyeluruh mengenai operasi syarikat tersebut, termasuk peranannya dalam pengeluaran ammonia dan urea.

BELAIT, Isnin, 4 Mei. - Delegasi Republik Demokratik Timor-Leste membuat lawatan ke Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK), hari ini.

Delegasi berkenaan diketuai oleh Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar, Tuan Yang Terutama Francisco Kalbuadi Lay dan Naib Perdana Menteri, Menteri Penyelaras Hal Ehwal Sosial dan

Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Perumahan Komuniti, Tuan Yang Terutama Mariano Assanami Sabino.

Juga mengiringi delegasi tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama, Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas dan Menteri Petroleum dan Sumber Mineral, Tuan Yang Terutama Francisco da Costa Monteiro.

Hadir bagi mengalu-alukan ketibaan para delegasi berkenaan ialah Menteri di



Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi BFI.

Sepanjang lawatan tersebut, pihak pengurusan BFI memberikan taklimat menyeluruh mengenai operasi syarikat tersebut, termasuk peranannya dalam pengeluaran ammonia dan urea.

Program lawatan itu, merangkumi sesi tinjauan dengan menaiki bas di kawasan loji serta lawatan ke Central Control Room (CCR) dan Taman Keselamatan,

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

yang memberikan gambaran lebih dekat mengenai proses operasi BFI, amalan keselamatan, kepelbagaian produk serta keupayaan pengeluaran.

Kedudukan BFI sebagai loji baja *single-train* terbesar di Asia Tenggara menyerlahkan peranannya dalam menyokong keselamatan makanan global, di samping menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi dan pertumbuhan industri Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, BFI merupakan loji ammonia dan urea utama negara ini. Ditubuhkan pada Oktober 2013 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, loji berteknologi tinggi BFI terletak di atas tapak seluas 55 hektar di SPARK, Daerah Belait dan mengkhusus dalam perolehan, pengeluaran, pengedaran, penjualan serta pemasaran baja nitrogen dan industri bahan kimia.

Delegasi Arab Saudi diraikan pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



JERUDONG, Isnin, 4 Mei. - Bagi merayakan delegasi dari Arab Saudi yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan bagi Inisiatif Laluan Makkah dan Penasihat kepada Menteri Dalam Negeri Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Sulaiman bin Abdulaziz Al Yahya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan merayakan delegasi berkenaan dengan Majlis Jamuan Makan Tengah Hari yang mengambil tempat di Pantai Restaurant, The Empire Brunei.

Turut hadir pada majlis berkenaan, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama

Saleh bin Abdulkarim Al-Shiha; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim serta pengaruh-pengaruh dan pegawai kanan KHEU.

Majlis Jamuan Makan Tengah Hari berkenaan mencerminkan



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari yang mengambil tempat di Pantai Restaurant, The Empire Brunei. Turut hadir, Tuan Yang Terutama bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU (kiri, atas dan bawah).

penghargaan dan penghormatan Kerajaan NBD terhadap delegasi dari Kerajaan Arab Saudi dalam mengendalikan bersama Majlis Perasmian Pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah (Makkah Route Initiative).

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama serta silaturahim antara kedua-dua buah negara, khususnya dalam urusan pengendalian dan kebajikan jemaah haji NBD.

Delegasi dari Arab Saudi berkenaan berada di negara ini bagi Majlis Perasmian Pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah bagi jemaah haji NBD Tahun 1447 Hijrah / 2026

Masih yang telah diadakan (LTAB), iaitu semasa pada pagi tadi di Lapangan penerbangan pertama bakal Terbang Antarabangsa Brunei jemaah haji NBD.



PERNIAGAAN INKLUSIF PENDEKATAN STRATEGIK MEMPERKUKUH EKONOMI



Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), mewakili Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dalam ucapamannya pada Majlis Pelancaran Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, pagi tadi, menegaskan bahawa pembangunan Perniagaan Inklusif bukanlah agenda baharu bagi NBD, sebaliknya telah pun diterapkan dalam Wawasan Brunei 2035 yang menekankan pembangunan rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi, kualiti hidup yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Menurut Yang Berhormat, aspirasi berkenaan memerlukan akses peluang ekonomi yang lebih luas kepada semua lapisan masyarakat termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), golongan belia dan wanita usahawan, perusahaan luar bandar serta

komuniti, dan golongan rentan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa Perniagaan Inklusif merupakan pendekatan strategik dalam memperkukuh ekonomi negara melalui kepelbagaian ekonomi, penguatan mata pencarian serta peningkatan keterangkuman sosial.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat turut menekankan bahawa NBD bukan bermula dari kosong dalam pelaksanaan agenda berkenaan, memandangkan pelbagai inisiatif sedia ada telah pun mencerminkan prinsip Perniagaan Inklusif, termasuk penglibatan komuniti dalam rantaian bekalan, pembangunan perusahaan sosial, program sokongan kerajaan kepada PMKS serta inisiatif berasaskan komuniti.

Yang Berhormat turut menzahirkan penghargaan terhadap usaha YSHHB melalui Program Sara Diri, Kendiri Berdikari yang memperkasa keluarga berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan melalui

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

keusahawanan dan pembangunan kemahiran. Usaha berkenaan telah diiktiraf di peringkat ASEAN apabila YSHHB menerima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN 2024.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menegaskan keperluan kepada penyelarasan yang lebih kukuh, rangka kerja yang jelas serta kerjasama rentas sektor bagi memperkukuh ekosistem Perniagaan Inklusif di negara ini.

Yang Berhormat turut menekankan bahawa pendekatan Whole of Nation adalah penting, melibatkan peranan kerajaan dalam dasar dan sokongan, sektor swasta dalam inovasi dan pelaburan, masyarakat sivil dalam impak sosial, serta rakan pembangunan dalam kepakaran teknikal, dengan komuniti sebagai teras utama.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyeru semua pihak berkepentingan untuk memberikan

sokongan penuh terhadap kajian landskap berkenaan melalui perkongsian data, pengalaman dan cadangan bagi memperkukuh dapatan serta pelaksanaan dasar yang lebih berkesan.

Yang Berhormat turut menegaskan bahawa kerjasama dengan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik akan membantu NBD memahami landskap semasa, mengenal pasti peluang dan jurang, serta memperkukuh dasar dan ekosistem Perniagaan Inklusif.

Mengakhiri ucapamannya, Yang Berhormat menekankan prinsip 'tiada sesiapa yang akan ditinggalkan' sebagai asas kepada pembangunan negara, serta menyeru kerjasama semua pihak dalam membina ekosistem yang inklusif, mampan dan berdaya tahan demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

YANG Berhormat Peguam Negara selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Ahli

Memperkukuh model perniagaan, menyokong golongan berpendapatan rendah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini melancarkan Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif bagi mengenal pasti peluang untuk memperkukuh model perniagaan yang dapat menyokong golongan berpendapatan rendah, usahawan kurang berkemampuan serta pembangunan sosioekonomi yang lebih inklusif.

Kajian berkenaan akan dilaksanakan selama tempoh sembilan bulan, bermula 1 Mei 2026 hingga 31 Januari 2027, dengan sokongan teknikal daripada Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik atau United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP).

Majlis Pelancaran Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif di NBD telah diadakan hari ini bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Majlis dianjurkan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), YSHHB, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), dan ESCAP, dengan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIID).

Perniagaan Inklusif atau Inclusive Business (IB) merujuk kepada syarikat yang menyediakan barangan, perkhidmatan dan peluang mata pencarian secara mampan dari segi komersial kepada golongan yang berada di dasar piramid ekonomi atau Base of the Pyramid (BoP).

Golongan berkenaan dilibatkan sebagai sebahagian daripada rantaian nilai teras perniagaan, sama ada sebagai pembekal, pengedar, peruncit atau pelanggan.

Model Perniagaan Inklusif dan perusahaan sosial telah terbukti berkesan dalam menyokong golongan berpendapatan rendah, termasuk usahawan kurang berkemampuan melalui penyediaan akses kepada perkhidmatan penting seperti kesihatan, kewangan dan pendidikan, pembekalan barangan keperluan asas pada harga berpatutan, serta pewujudan peluang keusahawanan.

Pelaksanaan kajian berkenaan juga selaras dengan komitmen NBD dalam agenda Perniagaan Inklusif ASEAN di bawah ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises.

MOFE melalui Bahagian Ekosistem Industri dan Perniagaan, bersama BEBD, pada masa ini mewakili NBD dalam ACCMSME.

Komitmen NBD dalam mempromosi perniagaan inklusif turut ditunjukkan melalui penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Inklusif ASEAN Ke-4 oleh Darussalam Enterprise (DARE) semasa Pengerusian ASEAN oleh NBD pada 2021.

Momentum berkenaan terus diperkukuh susulan pengiktirafan YSHHB sebagai penerima Anugerah Perniagaan Inklusif ASEAN 2024 bagi Program Sara Diri, Kendiri Berdikari, yang bertujuan menyokong keluarga kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah dalam memulakan serta mengekalkan perniagaan mereka sendiri.

Majlis berkenaan menandakan permulaan rasmi kajian yang akan berfungsi sebagai platform penting untuk memperkenalkan objektif kajian, melibatkan pihak-pihak berkepentingan utama, serta mengumpul pandangan awal bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan berkesan.

Acara kemuncak majlis ialah ucapan yang disampaikan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, mewakili Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis diteruskan dengan taklimat mengenai objektif Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif di NBD yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Ekonomi, ESCAP, Marta Pérez Cusó.

Seterusnya, majlis disusuli dengan sesi Forum Fireside Chat bertajuk 'Peluang dan Cabaran Dalam Mempromosikan Perniagaan Inklusif di Brunei Darussalam' yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan, Angel Investment Network Indonesia

(ANGIN), David Soukhasing.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Awang Daniel Leong; serta Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIID, Awang Junaidi bin Haji Masri.



YANG Berhormat Peguam Negara bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif di Negara Brunei Darussalam.

Pendekatan perniagaan inklusif perkukuh peluang ekonomi golongan berpendapatan rendah

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Terdapat justifikasi dasar yang kukuh terhadap pendekatan Perniagaan Inklusif atau Inclusive Business (IB), yang telah terbukti mampu menyediakan penyelesaian berskala besar kepada cabaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah.

Di rantau ini, termasuk dalam kalangan Negara Anggota ASEAN, semakin banyak negara giat mempromosikan model Perniagaan Inklusif sebagai salah satu pendekatan untuk memupuk keusahawanan dalam kalangan individu kurang berkemampuan, di samping menyokong mereka memperkukuh serta mengembangkan perniagaan agar lebih berdaya tahan.

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh persekitaran dasar yang menyokong Perniagaan Inklusif ke arah pembangunan mampan,

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menerima sokongan daripada Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik atau United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP).

Sokongan berkenaan diberikan melalui penyediaan bantuan teknikal bagi mempromosi Perniagaan Inklusif, termasuk pelaksanaan Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif bagi Pembangunan Mampan di negara ini.

Kajian berkenaan akan meneliti bagaimana pendekatan Perniagaan Inklusif dapat menyediakan peluang ekonomi kepada golongan berpendapatan rendah, di samping menyokong usahawan kurang berkemampuan di NBD.

Antara objektif utama kajian

ialah untuk memperkenalkan konsep Perniagaan Inklusif serta potensinya dalam menyokong golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah, termasuk golongan kelainan upaya, selain menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Kajian berkenaan juga bertujuan melibatkan pihak-pihak berkepentingan bagi mengenal pasti cabaran utama, peluang, bidang keutamaan serta bentuk sokongan dasar dan program yang bersesuaian dalam memperkukuh ekosistem Perniagaan Inklusif dan perusahaan sosial.

Pandangan awal yang dikumpulkan akan menjadi asas kepada pelaksanaan Kajian Landskap Perniagaan Inklusif Nasional.

Mandi-Mandi Yang Disunatkan Ketika Menunaikan Ibadah Haji

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ORANG yang mengerjakan haji dituntut untuk melaksanakan rukun dan wajib haji di samping menjauhi larangannya agar ibadah hajinya sah. Selain itu, terdapat juga perkara-perkara sunat yang dianjurkan untuk dilakukan ketika mengerjakan ibadah haji. Amatlah rugi jika perkara-perkara sunat itu tidak dikerjakan kerana ia berfungsi sebagai pelengkap kepada ibadah haji dan orang yang melakukannya pasti akan meraih ganjaran pahala.

Antara perkara-perkara sunat dilakukan ketika mengerjakan ibadah haji ialah mandi. Menurut para ulama, mandi-mandi yang disunatkan bagi jemaah haji semasa melakukan ibadah haji adalah seperti yang berikut :

1. Ketika Hendak Berihram.

Disunatkan mandi bagi orang yang hendak berihram untuk melakukan ibadah haji atau umrah atau kedua-duanya atau dia berihram secara mutlak, sama ada dia itu lelaki atau kanak-kanak atau perempuan, sekalipun perempuan itu haidh atau nifas. Mandi ketika hendak berihram disunatkan sebagai *ittiba'* (mengikuti perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*) berdasarkan hadits daripada bapa Zaid bin Tsabit Radhiallahu 'anhu :

Maksudnya : *Bahawasanya dia (bapa Zaid bin Tsabit Radhiallahu 'anhu) telah melihat Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam menanggalkan pakaian Baginda yang berjahit dan mandi (untuk berihram).*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Oleh itu, makruh hukumnya jika seseorang itu tidak mengerjakan mandi kerana hendak berihram.

Adapun bagi kanak-kanak yang belum *mumayyiz* pula, menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, dia dimandikan oleh walinya kerana hikmah daripada mandi ketika hendak berihram itu ialah untuk kebersihan. Atas hikmah ini, maka mandi tersebut disunatkan juga bagi perempuan haidh dan nifas sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadits *marfu'* daripada Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma :*

Maksudnya : *Sesungguhnya perempuan yang nifas dan haidh itu mandi, berihram dan (boleh) melaksanakan semua manasik-manasik (haji dan umrah), namun dia tidak boleh mengerjakan thawaf di Baitullah sehingga dia suci (daripada haidh dan nifas).*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Selain hikmah kebersihan, menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'ana ath-Thalibin*, terdapat hikmah yang nyata dalam pensyariatannya mandi ketika hendak berihram iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hendak memperlihatkan para jemaah haji kepada para malaikat untuk dibanggakan di hadapan seluruh makhluk. Maka mereka tidak akan diperlihatkan kepada para malaikat yang mulia itu melainkan mereka itu dalam keadaan suci daripada kotoran dan dosa. Selain itu, terdapat juga hikmah lain iaitu para jemaah haji akan meletakkan kaki mereka di tempat yang pernah dipijak oleh para nabi yang saleh. Maka mereka

SELAIN hikmah kebersihan, menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'ana ath-Thalibin*, terdapat hikmah yang nyata dalam pensyariatannya mandi ketika hendak berihram iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hendak memperlihatkan para jemaah haji kepada para malaikat untuk dibanggakan di hadapan seluruh makhluk. Maka mereka tidak akan diperlihatkan kepada para malaikat yang mulia itu melainkan mereka itu dalam keadaan suci daripada kotoran dan dosa. Selain itu, terdapat juga hikmah lain iaitu para jemaah haji akan meletakkan kaki mereka di tempat yang pernah dipijak oleh para nabi yang saleh. Maka mereka dituntut untuk mandi sebelum itu agar mereka memperoleh keberkatan daripada jejak langkah para nabi tersebut.

dituntut untuk mandi sebelum itu agar mereka memperoleh keberkatan daripada jejak langkah para nabi tersebut.

2. Ketika Hendak Masuk Makkah.

Disunatkan mandi bagi orang yang berihram dan juga bagi orang yang halal (tidak berihram) ketika dia hendak masuk Makkah sebagai *ittiba'* (mengikuti perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*) berdasarkan hadits daripada Nafi' *Rahimahullah :*

Maksudnya : *Sesungguhnya Ibn 'Umar tidak memasuki Makkah melainkan beliau bermalam di Dzu Thawa sehingga pagi, kemudian beliau mandi, lalu beliau memasuki Makkah pada waktu siang. Dan beliau menyebut bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam pernah melakukan perkara tersebut.*

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam *Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj*, mandi ketika masuk Makkah afdhal dilakukan di Dzu Thawa. Jika mandi itu tidak dilakukan di Dzu Thawa, maka mandi itu dilakukan di tempat yang jaraknya sama seperti jarak Dzu Thawa. Dzu Thawa merupakan sebuah lembah yang terdapat padanya perigi yang dibina dengan batu. Kedudukan Dzu Thawa terletak di antara *ats-Tsaniyyah al-'Ulya* dan *ats-Tsaniyyah as-Suffa* dan ia lebih hampir kepada *ats-Tsaniyyah as-Suffa*. Manakala *ats-Tsaniyyah* pula ialah jalan yang sempit di antara dua bukit.

Selain mandi sunat ketika hendak masuk Makkah, orang yang mengerjakan haji juga disunatkan mandi ketika hendak masuk tanah haram, ketika hendak masuk Ka'bah dan ketika hendak masuk Madinah yang dikatakan oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Manhaj al-Qawim :*

Ertinya : *Dan disunatkan mandi juga ketika hendak masuk tanah haram, ketika hendak masuk Ka'bah dan ketika hendak masuk Madinah.*

Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang itu telah melakukan mandi sunat di suatu tempat yang hampir dengan Makkah sebelum dia memasuki Makkah dan bau badannya tidak berubah, maka dalam keadaan ini dia tidak lagi disunatkan mandi ketika hendak masuk Makkah. Namun sekiranya dalam keadaan ini bau badannya berubah, maka dia disunatkan mandi ketika hendak masuk Makkah.

Sekiranya orang Makkah keluar ke tempat yang jauh daripada Makkah seperti Hudaibiyyah atau Ja'ranah untuk bermiqat bagi mengerjakan umrah, lalu dia melakukan mandi sunat sebelum berihram di sana, maka dituntut lagi baginya mandi sunat untuk masuk Makkah sama ada bau badannya tidak berubah ataupun berubah. Sekiranya seseorang itu tidak melakukan

mandi sunat ketika hendak masuk Makkah, maka dalam keadaan ini sunat baginya untuk mandi ketika hendak mengerjakan thawaf al-Qudum.

3. Ketika Hendak Wuquf Di 'Arafah.

Disunatkan mandi ketika hendak wuquf di 'Arafah. Masuk waktu bagi mengerjakan mandi sunat ini ialah bermula selepas masuk waktu Subuh pada Hari 'Arafah dan berakhir waktunya dengan berakhirnya waktu wuquf iaitu dengan masuk waktu Subuh pada hari yang berikutnya. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, mandi sunat ini afdhal dilakukan setelah tergelincir matahari. Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* pula, mendekati waktu mandi itu dengan waktu wuquf adalah afdhal sebagaimana mendekati waktu mandi sunat ketika hari Jumaat dengan waktu dia berangkat ke masjid untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

Adapun tempat yang paling afdhal untuk melakukan mandi sunat ini ialah di Namirah. Namun menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah*, terhasil sunnah mandi tersebut jika mandi itu dilakukan di tempat selain Namirah.

4. Ketika Berhenti Di Muzdalifah.

Disunatkan mandi ketika berhenti di Muzdalifah. Masuk waktu bagi mengerjakan mandi sunat ini ialah dengan masuk pertengahan malam Hari Nahar.

Menurut asy-Syaikh Sa'id bin Muhammad Ba 'Isy *Rahimahullah* dalam kitabnya *Busyrah al-Karim*, mandi ketika berhenti di Muzdalifah adalah afdhal dilakukan di al-Masy'ar al-Haram selepas waktu Subuh. Al-Masy'ar al-Haram ialah sebuah bukit kecil di penghujung Muzdalifah yang dikenali dengan nama bukit Quzah.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, tidak disunatkan mandi ketika hendak memasuki Muzdalifah untuk bermalam kerana memadai dengan mandi sunat yang dilakukan sebelumnya iaitu mandi sunat ketika wuquf di 'Arafah. Namun jika dia tidak melakukan mandi sunat ketika wuquf di 'Arafah, maka dalam keadaan ini sunat baginya untuk mandi ketika hendak memasuki Muzdalifah.


5. Ketika Hendak Melontar Ketiga-Tiga Jamrah Pada Hari-Hari Tasyriq.

Disunatkan mandi ketika hendak melontar ketiga-tiga jamrah pada setiap hari-hari Tasyriq iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah berdasarkan beberapa *atsar* yang dikhabarkan mengenainya dan kerana ia merupakan tempat-tempat yang terdapat perhimpunan orang ramai padanya.

Masuk waktu bagi mengerjakan mandi sunat ini ialah dengan masuk waktu Subuh pada setiap hari-hari Tasyriq dan ia berakhir dengan terbenam matahari pada setiap hari-hari Tasyriq atau apabila dia telah selesai melontar ketiga-tiga jamrah.

Menurut Imam Ibn Qasim al-'Abadi *Rahimahullah* dalam *Hasyiyah Tuhfah al-Muhtaj*, mandi ketika hendak melontar ketiga-tiga jamrah pada setiap hari-hari Tasyriq adalah afdhal diakhirkan sehingga selepas tergelincir matahari.

Jika seseorang tidak melakukan Nafar Awal dan melontar ketiga-tiga jamrah pada setiap hari-hari Tasyriq, maka disunatkan baginya tiga mandi. Namun jika dia



IRSYAD HUKUM

جانب في كل جانب
جان زمان مني كل يوم واليوم

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

melakukan Nafar Awal iaitu meninggalkan Mina pada hari Tasyriq yang kedua (12 Zulhijjah), maka dia hanya disunatkan melakukan dua mandi dan dia tidak disunatkan untuk melakukan mandi sunat ini lagi pada hari Tasyriq yang ketiga (13 Zulhijjah) kerana dia tidak lagi melontar pada hari tersebut. Perkara ini sebagaimana yang telah dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala al-Khathib*.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, tidak disunatkan mandi ketika hendak melontar Jamrah al-'Aqabah pada hari Nahar kerana memadai dengan mandi sunat yang dilakukan sebelumnya iaitu mandi sunat Hari Raya atau mandi sunat ketika berhenti di Muzdalifah. Namun jika dia tidak melakukan mandi Hari Raya atau mandi sunat ketika berhenti di Muzdalifah, maka dalam keadaan ini sunat baginya untuk mandi ketika hendak melontar Jamrah al-'Aqabah.

Bertayammum Sebagai Ganti Mandi

Jika seseorang tidak mampu melakukan mandi-mandi sunat yang telah disebutkan di atas kerana ketiadaan air atau kerana tidak berupaya menggunakan air, maka bagi mendapat pahala mandi sunat itu, dia boleh melakukannya dengan cara bertayammum. Hal ini kerana mandi-mandi tersebut dituntut untuk tujuan *qurbah* (mendekatkan diri kepada Allah) dan juga tujuan kebersihan. Apabila salah satu daripada dua tujuan tersebut tidak dapat dilakukan, maka tujuan yang lain tetap dikekalkan. Selain itu, tayammum boleh menggantikan mandi wajib, maka keharusan tayammum menggantikan mandi sunat adalah lebih utama.

Contoh lafaz niat tayammum yang menggantikan mandi sunat ihram ialah :

Ertinya : *Sahaja aku bertayammum sebagai ganti mandi sunat ihram.*

Contoh lafaz niat tayammum yang menggantikan mandi sunat ketika hendak wuquf di 'Arafah ialah :

Ertinya : *Sahaja aku bertayammum sebagai ganti mandi sunat wuquf di 'Arafah.*

Menurut asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, sekiranya seseorang itu mendapati air yang tidak mencukupi untuk melakukan mandi sunat tetapi air tersebut hanya mencukupi untuk berwudhu', maka hendaklah dia mengerjakan wudhu' dengan air tersebut dan juga bertayammum sebagai ganti kepada mandi sunat sebagaimana yang disebut oleh Ibn al-Muqri *Rahimahullah*.

Demikian penjelasan mengenai mandi-mandi yang disunatkan ketika menunaikan ibadah haji dan sewajarnya para jemaah haji seboleh-bolehnya melaksanakan mana yang termampu olehnya untuk melaksanakan apa yang dilakukan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan meraih pahala mengerjakan mandi-mandi sunat ketika menunaikan ibadah haji.

JIKA seseorang tidak mampu melakukan mandi-mandi sunat yang telah disebutkan di atas kerana ketiadaan air atau kerana tidak berupaya menggunakan air, maka bagi mendapat pahala mandi sunat itu, dia boleh melakukannya dengan cara bertayammum. Hal ini kerana mandi-mandi tersebut dituntut untuk tujuan *qurbah* (mendekatkan diri kepada Allah) dan juga tujuan kebersihan. Apabila salah satu daripada dua tujuan tersebut tidak dapat dilakukan, maka tujuan yang lain tetap dikekalkan. Selain itu, tayammum boleh menggantikan mandi wajib, maka keharusan tayammum menggantikan mandi sunat adalah lebih utama.

BINA PERNIAGAAN PRODUKTIF, TARIK PELABURAN BERKUALITI

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Dalam ucapannya, Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) menjelaskan, komitmen ini tercermin dalam beberapa projek kebangsaan berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (Government-Linked Companies).

Tahun lalu katanya, kerajaan melalui Khazanah 1 telah bekerjasama dengan syarikat tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan loji tenaga solar berkapasiti 30 megawatt di tapak bekas pelupusan sampah di Kampung Belimbing.

Menurutnya, projek tersebut telah mencapai lebih 40 peratus kemajuan dan apabila beroperasi pada suku keempat tahun ini, dijangka menjana lebih 64,000 megawatt-jam tenaga elektrik bersih setiap tahun.

"Pada masa yang sama, Hengyi Industries Sdn. Bhd. terus memajukan agenda kelestariannya melalui Projek Sinar. Ini merupakan inisiatif utama yang mengintegrasikan tenaga boleh diperbaharui ke dalam salah satu tapak perindustrian utama Brunei di Pulau Muara Besar. Ia dijangka menghasilkan sehingga 48 megawatts-peak tenaga bersih dengan potensi untuk berkembang sehingga hampir 476

megawatts-peak," ujarnya lagi.

Perkembangan ini tambahnya, mencerminkan momentum yang semakin meningkat dalam peralihan kita ke arah campuran tenaga yang lebih rendah karbon dan lebih optimum.

Namun tekannya, ia juga menonjolkan satu hakikat penting. Untuk mencapai sasaran nasional sebanyak 30 peratus tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2035, bukan sahaja memerlukan usaha berterusan, malah percepatan yang ketara dari segi skala dan pelaksanaan.

Dalam konteks ini tegasnya, perlu diakui dengan jelas bahawa kerajaan tidak dapat memacu peralihan ini secara bersendirian.

"Pertumbuhan hijau memerlukan keupayaan maju, akses kepada teknologi, pasaran dan modal. Ini adalah bidang di mana sektor swasta dan pemain antarabangsa boleh memainkan peranan yang amat penting. Tanpa penyaluran yang lebih kukuh antara sektor awam dan swasta, kemajuan akan kekal secara berperingkat dan bukan bersifat transformasi," ujarnya lagi.

Oleh itu tegasnya, mereka perlu melangkaui konsep kerjasama kepada bentuk Perkongsian Awam-Swasta (PPP) yang lebih tersusun dan berorientasikan hasil.

Tambahnya, PPP boleh menjadi mekanisme strategik untuk

mempercepat pemindahan teknologi dan kepakaran, menghubungkan industri kepada rantai nilai serantau dan global serta menggerakkan modal melalui pelaburan bersama dan perkongsian risiko.

Apabila dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan terangnya, PPP membolehkan kita melangkaui projek terencil dan melaksanakan inisiatif pada skala yang diperlukan untuk mencapai sasaran negara.

"Dalam hal ini, platform seperti forum ini memainkan peranan penting dalam mengukuhkan dialog antara pembuat dasar dan pemimpin industri. Ia menyediakan peluang untuk menyelaraskan perspektif, mengenal pasti peluang serta membangunkan kerjasama yang praktikal dan berpandangan jauh," jelasnya lagi.

Terdahulu itu, Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) menggariskan mengenai tema forum iaitu, 'Membuka Potensi Pertumbuhan Hijau: Industri, Kewangan dan Inovasi Digital', adalah amat relevan dengan hala tuju ekonomi Brunei Darussalam serta menjadi platform penting untuk bertukar pandangan dan mengenal pasti strategi bagi menangani cabaran sambil merebut peluang baharu.

Menurutnya, semasa Kementerian Kewangan dan

Ekonomi melancarkan Pelan Induk Ekonomi Brunei Darussalam pada tahun 2021, ia telah menetapkan hala tuju yang jelas bagi pembangunan jangka panjang negara, dan dua aspirasi khususnya kekal sangat relevan dengan perbincangan hari ini.

Pertama jelasnya, aspirasi untuk membina perniagaan yang produktif dan berdaya saing. Ini memerlukan kita meningkatkan usaha dalam menarik pelaburan berkualiti, membangunkan aktiviti ekonomi baharu serta memperkukuh PPP bagi memacu kecekapan, keupayaan dan pertumbuhan.

Kedua, katanya, aspirasi terhadap persekitaran yang mampan. Dalam kita mengejar perkembangan ekonomi, kita mesti melaksanakannya secara bertanggungjawab dengan mengurus jejak karbon serta mempertingkatkan pelaburan dalam inisiatif yang lebih hijau dan mampan.

"Secara keseluruhannya, aspirasi ini menunjukkan hala tuju yang jelas: pertumbuhan masa depan Brunei Darussalam mestilah bersifat dinamik dari segi ekonomi dan mampan dari segi alam sekitar. Pencapaiannya bergantung kepada sejauh mana kita dapat menggabungkan industri, kewangan dan inovasi melalui kerjasama yang kukuh dan bermakna," ujarnya lagi.

YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) semasa menyampaikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Mei. – Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal teguh dalam komitmennya untuk memajukan dasar dan inisiatif yang menyokong kepelbagaian dan kemampan merentasi semua sektor ekonomi.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, semasa Forum Ekonomi Mampan Brunei 2026 yang diadakan di Mulia Hotel, di sini.

Perkasa ekonomi dengan pelaburan industri mampan



PUAN Yang Terutama Setiausaha Agung dan Setiausaha Eksekutif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik (ESCAP) turut hadir menyampaikan ucapan.

Finance and Digital Innovation).

Dalam ucapannya, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, selaku tetamu kehormat majlis, menekankan kepentingan menterjemahkan strategi kepada hasil yang nyata, khususnya dengan mempercepat pelaksanaan, membuka peluang pelaburan serta memperkukuh kerjasama merentas sektor.

Turut menyampaikan ucapan ialah Setiausaha Agung dan Setiausaha Eksekutif Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik (ESCAP),

Puan Yang Terutama Armida Salsiah Alisjahbana, yang menekankan momentum yang semakin meningkat dalam pelaburan hijau di rantau ini serta peluang bagi negara seperti Brunei untuk menempatkan diri dalam rangkaian nilai serantau yang sedang berkembang.

Forum ini menampilkan dua sesi utama yang memberi tumpuan kepada pemerikasaan ekonomi hijau Brunei serta perspektif industri.

Sesi pertama merangkumi perkongsian pandangan daripada Pesuruhjaya British ke NBD, Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty, bersama pembentangan oleh Nick Ash dari ARUP mengenai Rangka Kerja Ekonomi Hijau UK-Brunei, dan Shirley Sikun dari Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, yang berkongsi perkembangan terkini perjalanan peralihan tenaga Brunei.

Sesi kedua menghimpunkan

wakil industri termasuk Brunei Fertilizer Industries, Brunei Methanol Company, Baiduri Bank dan Hibiscus EP (Brunei) B.V., yang membincangkan bagaimana industri menyesuaikan diri dengan ekonomi rendah karbon sambil mengenal pasti peluang pertumbuhan baharu.

Para penceramah turut mengetengahkan peluang dalam tenaga boleh diperbaharui, penangkapan karbon, hidrogen serta penyelesaian ekonomi kitaran, di samping menekankan kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi mempercepat pelaksanaan serta membuka peluang pelaburan.

Forum tersebut diakhiri dengan seruan untuk memperkukuh perkongsian dan usaha yang lebih terselaraskan dalam memacu pelaburan ke dalam industri mampan, selaras dengan matlamat pembangunan jangka panjang Brunei di bawah Wawasan 2035.

BERAKAS, Selasa, 5 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menegaskan semula komitmennya untuk memajukan ekonomi yang mampan dan pelbagai ketika para pembuat dasar, pemimpin industri dan rakan strategik berkumpul di Forum Ekonomi Mampan Brunei 2026 yang diadakan di Mulia Hotel, Berakas, di sini.

Forum tersebut, yang dianjurkan di bawah Program Ekonomi Brunei oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei dengan sokongan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, telah diadakan dengan tema 'Membuka Potensi Pertumbuhan Hijau: Industri, Kewangan dan Inovasi Digital' (Unlocking Green Growth: Industry,



Bukan sia-sia namun tetap berhikmah

kemampuan setiap individu. Tiada ujian yang berlaku secara sia-sia, kerana setiap satunya mengandungi pengajaran dan hikmah yang tersendiri. Oleh itu, dengan memahami bahawa ujian itu adalah sesuatu yang menjadi asam garam kehidupan, kita akan lebih bersedia untuk menghadapinya dengan hati yang terbuka. Kesedaran ini mampu menjadikan kita lebih tenang, lebih matang dalam membuat keputusan serta lebih bijaksana dalam menilai setiap peristiwa yang berlaku dalam hidup. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan pengikut Baginda juga diuji dengan ujian yang sangat hebat seperti yang diceritakan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 214, mafhumnya :

"Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga padahal belum datang kepada kamu (ujian) seperti yang dialami oleh orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kesengsaraan dan kemudaratan serta digoncangkan (dengan ancaman musuh dan

berbagai-bagai cubaan) sehingga Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya berkata : "Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah, sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah)".

Mengapa kita diberikan ujian, persoalan ini mengandungi beberapa hikmah di sebaliknya di antaranya ialah :

Menguji keimanan dan kesabaran

Ujian memperlihatkan kualiti iman seseorang. Dalam kesulitan, terlihat siapa yang tetap teguh dan siapa yang mudah menyerah.

Meningkatkan darjat

Dalam keyakinan umat Islam, kesabaran dalam menghadapi ujian dapat menjadi sebab diampuninya dosa-dosa dan

ditinggikannya darjat seseorang di sisi Allah.

Mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala

Ketika berada dalam kesulitan, manusia cenderung lebih banyak berdoa dan berserah diri. Ujian sering kali menjadi jalan untuk kembali kepada-Nya.

Ujian tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia. Ia bukan untuk melemahkan, melainkan untuk menguatkan. Dengan memahami bahawa ujian itu lumrah, kita belajar menerima kenyataan hidup dengan lapang dada. Setiap kesulitan membawa pelajaran dan mengandungi hikmah bagi mereka yang mau merenunginya.

"Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajiban) melainkan apa yang terdaya olehnya".

Surah Al-Baqarah : 286



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 104 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 105 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 106 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 107 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 108 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 109 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 110 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 111 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 112 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 113 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 114 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 115 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 116 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 117 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 118 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
19 Mei 2026



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 08

Tajuk Tawaran:
Procurement And Supply Of Brunei Cultural Items For The Asean Korea Centre

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
14 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 09
Supply And Delivery Of Mesra Lapel Pin Badges

Tarikh Tutup:
Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan) -
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T / 2026-2027 / 02
Pembekalan Toner bagi Mesin Pencetak LEXMARK CS622DN

Mesin Pencetak :
LEXMARK CS622DN

Keterangan Pembekal dan Unit Diperlukan:
Toner

Toner :
Black Extra High Yield 8.5K Pages 78C3XKO : 8 pcs
Yellow Extra High Yield 78C3XY0 : 7 pcs
Magenta Extra High Yield 5K Pages 78C3XM0 : 7 pcs
Cyan Extra High Yield 5K Pages 78C3XC0 : 7 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Jabatan Audit Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T / 2026-2027 / 01
Pembekalan Toner Dan Drum Bagi Mesin Pencetak Brother HL-L2370DN Dan Brother HL-L2385DW

Mesin Pencetak :
Brother HL- L2370DN
Dan Brother HL- L2385DW

Keterangan Pembekal dan Unit Diperlukan:
Toner TN-2484
(Yield : 4,500 Pages)
- 50 pcs dan Drum DR-2455 (Yield:12,000 Pages) - 18 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 - 2027 / 06

Tajuk Sebut Harga:
Appointment Of An Agency For Conducting, Monitoring, And Managing Mystery Shopper System Under The Nationwide Mesra Campaign

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
14 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
01 / 2026 / 2027

Membekalkan Perkhidmatan Jamuan Secara Berkontrak Bagi Mesyuarat, Jerayawara, Dialog, Majlis dan Aktiviti-Aktiviti Yang Dikendalikan Oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Mulai Mei 2026 Hingga Februari 2027 Bagi Tahun Kewangan 2026 / 2027

Tarikh Buka:
Sabtu,
2 Mei 2026

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:
Sabtu,
16 Mei 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

Harga Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)





**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan**

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

JPt / SH / 09 / 2026-2027

To Supply And Deliver Calibration Standards And Internal Standards For Chemical And Drug Residue Laboratory

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

JPt / SH / 10 / 2026-2027

To Supply and Deliver Testing Materials For Routine & Method Development Test In Molecular Biology

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

JPt / SH / 11 / 2026-2027

To Supply And Deliver Clinical Chemistry Testing Materials

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

JPt / SH12 / 2026-2027

To Supply And Deliver Reference Biological Materials For Microbiology Laboratory

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

JPt / SH / 13 / 2026-2027

Membekal Dan Menghantar Elisa Test Kits Bagi Pemeriksaan Serology Khusus Bagi Penyakit Berjangkit Ternakan

Borang

Sebut Harga:

BND7.00

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis

28 Mei 2026

Jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0001 / 2026 / 2027

Maintenance And Repair Works Of Male Hostel's Water Tank At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus [MOD Class: I & II Only]

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu

13 Mei 2026

Jam 2.00 Petang



UNISSA / SB0006 / 2026 / 2027

Supply and Delivery of Custom Made Trolley for Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Library Building Gadong Campus [MOD Class: I & II Only] & [Category: P01 & P06]

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu

13 Mei 2026

Jam 2.00 Petang



UNISSA / SB0005 / 2026 / 2027

Sebut Harga Bagi Dismantling Works Of The Existing Alucobond And Wall Modification Works At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Library Building Gadong Campus [MOD Class: I & II Only] & [Category: KA01, B01 & E01]

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu, 13 Mei 2026

Jam 2.00 Petang



UNISSA / SB0002 / 2026 / 2027
Kerja-Kerja Logistik Sempena Hafiz Al-Takharruj Ke-16 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0003 / 2026 / 2027
Membekal Perkhidmatan Buruh Bagi Kampus Gadong Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0004 / 2026 / 2027
Membekal Perkhidmatan Buruh Bagi Kampus Sinaut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Selama Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu, 13 Mei 2026

Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

ATELS / 2026 / SH / 07
Supply, Delivery, Installation, Testing & Commissioning Of 6 KVA Online Double Conversion An Uninterruptable Power Supply (UPS) And 12V 92AH Maintenance-Free-Lead-Acid Batteries For Doppler VHF Omnidirectional Range (DVOR),
Department Of Civil Aviation

Tarikh iklan / mengambil

dokumen Sebut Harga

Rabu

6 Mei 2026

Tarikh terakhir mengambil

dokumen Sebut Harga

Selasa

19 Mei 2026

Tarikh tutup Sebut Harga

Rabu

20 Mei 2026

tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(06) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG8971 Toyota Land Cruiser Prado LJ95R-GKMNS - Diesel 4 CYLS

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(07) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG4981 Mitsubishi Pajero Sport Diesel 4 Cylinder

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(08) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG 4982 (TT) Mitsubishi Pajero GL 2.8 Diesel 4 CYLS

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(09) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan Penerangan BG 4278 (KB) Mitsubishi L200 Triton Diesel 4 CYLS

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(10) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Supply, Delivery, Dismantling, Installation, Setup, Testing and Commissioning of Additional CCTV Camera System Phase II at Jabatan Penerangan



Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(11) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Atap Di Bangunan Asal Jabatan Penerangan

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(12) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Kerja - Kerja Penyelenggaraan Atap Di Bangunan Substation Jabatan Penerangan

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(13) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Membekal, Memasang Serta Menghias Barangan dan Hiasan Bunga-Bunga Serta Pokok Plastik Di Jabatan Penerangan.

Yuran :

BND 5.00

Tarikh Tutup :

Khamis,

7 Mei 2026,

Jam 8.00 Pagi



Kenyataan Tawaran

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(14) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)

Mencetak Buku Kompilasi Sabda Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2023-2025

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga :

(15) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Mencetak Buku Himpunan Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri 2020-2025

Yuran :

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :

Khamis,

7 Mei 2026,

Jam 8.00 Pagi




**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
19 Mei 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
2 Jun 2026

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 018 / 2026

Nama Projek :
Kontrak Penggal Pengendalian
Dan Pemeliharaan Bekalan Air
Dan Gas Di Kawasan Kuala
Belait, Daerah Belait Bagi Tempoh
36 Bulan.

No. Projek:
2026 / ADKB / 2106 / 002-001-001

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[P02 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa
12 Mei 2026

Tarikh Tutup :
Selasa
26 Mei 2026

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 001 / 2024

Nama Projek:
Pembekalan Dan Penghantaran
Perkakas Makmal Dan Reagen
Untuk Persampelan Air Dan
Analisis Mikrobiologi Bagi Makmal
Perkhidmatan Air, Jabatan
Perkhidmatan Air, Negara Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III

Kategori :
B01
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
19 Mei 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
2 Jun 2026,

Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 06 / CQS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pemasangan Steel
Gutter Dan Kerja-Kerja Elektrikal
Dan Mekanikal Di Dewan Kuliah
Stadium Negara Hassanal Bolkiah
Berakas

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
19 Mei 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
2 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 10 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem
Alat Pengesan Kebakaran
Bangunan Kementerian
Pembangunan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong
- Pemborong Yang Berdaftar
Di Dalam

Kelas:
IV & V Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa
12 Mei 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DBSTUT 002 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja –
Kerja "ADHOC", Protokol Dan
Serta Merta (Jalan Raya)
Di Daerah Tutong
Dalam Tempoh
24 Bulan

No Projek :
2026 / 27 JKRTUT / TRM /
2106-01

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Iklan:**
APR3 / 2026 / JAPEM /
KRKFIREFROTECT / RB
Two (2) Years General
Maintenance For Fire Protection
System At Kompleks Rumah
Kebajikan Subok,
Spg 421,
Jabatan Pembangunan
Masyarakat.

**Tarikh Tutup
Iklan Tawaran :**
Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 03

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of 'Mesra'
Campaign Merchandise

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga :**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*



Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 04

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Integrated Creative
Development Services For
Nationwide Mesra Campaign

Tarikh Tutup Sebut Harga:
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga :**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*


**PUSAT LATIHAN KESENIAN
DAN
PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI**

**Sebut Harga Bagi Membekalkan
Barang Keperluan Pusat
Latihan Kesenian Dan
Pertukangan Tangan Brunei**

Bilangan Rujukan Sebut Harga :
25 / PLKPTB / 34 / 2026 / 1
Membekalkan Kain Cotton
Watermark
(Motif Bunga Putar)

Nama Barang :
Kain Cotton Watermark
(Motif Bunga Putar)

Jumlah Kain Yang Dipohonkan :
200 Meter

**Tarikh Penutupan
Sebut Harga:**
Selasa,
Jam 2.00 Petang,
2 Jun 2026


**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran
Bagi Perbekalan
Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga / Tawaran:**
01 / 2026-2027
Pemasangan Queue
Management System
(QMS) bagi Kaunter
Kutipan Hasil dan kaunter
Perkhidmatan Di Bahagian
Registri dan Hak Milik Strata,
Di Bangunan Lama TelBru bagi
Tempoh 1 (Satu) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 119 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 120 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 121 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 122 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 123 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 124 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The

Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 125 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 126 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 10 / 26-27
Supply And Delivery Of Audio And Video Converters For TV Studio

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 11 / 26-27
Supply And Delivery Of Broadcast Camera And Accessories For ENG Unit

Bayaran Yuran :
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
13 Mei 2026,
jam 2.00 Petang



Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 127 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SETIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :
03 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Remove Of Litters At Gerai Perayaan Kawasan Tudung Saji Jalan Setia Diraja Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2026

Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek :
04 / BBS / BPPK / 2026 - 2027
Remove Of Litters During And After Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat At Padang Bandaran And Dewan Persidangan Kuala Belait Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun Peringkat Daerah Belait, Tahun 2026

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 128 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 129 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 130 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 131 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 132 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:
DRG / 133 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
26 Mei 2026

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Arab Saudi di Riyadh hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah Al Munawwarrah bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji NBD bagi penerbangan pertama.

MADINAH AL-MUNAWWARAH, Selasa, 5 Mei. – Penerbangan pertama bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang menaiki pesawat Diraja Brunei (RB) BI4201 membawa seramai 254 orang telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz, Madinah Al Munawwarrah pada pukul 3.48 petang waktu Madinah. Rombongan penerbangan pertama tersebut terdiri daripada tiga orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), 101 bakal jemaah haji dari Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) serta 150 bakal jemaah haji dari Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA), yang menjadikan jumlah keseluruhan seramai 254 orang.

Hadir bagi menyambut ketibaan rombongan bakal jemaah haji NBD bagi penerbangan pertama ini ialah

Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Arab Saudi di Riyadh, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid dan isteri; Pemangku Konsul Agung NBD di Jeddah, Awang Haji Farhan bin Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani dan isteri serta Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD.

Turut menyambut, Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Perubatan), Dr. Haji Muhammad Nurhassanuddin bin Abdullah Kelali; para Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan) serta wakil-wakil daripada Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA); wakil Jabatan Imigresen Arab Saudi dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam Inisiatif Laluan Makkah

PENERBANGAN PERTAMA BAKAL JEMAAH HAJI NEGARA TIBA DI MADINAH

(Makkah Route Initiative).

Melalui pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah, bakal-bakal jemaah haji NBD dapat melalui proses keluar dari Terminal Haji Khas yang dikhususkan bagi negara-negara terpilih dan tersenarai untuk diberikan keistimewaan pelaksanaan Inisiatif Laluan Makkah.

Proses berkenaan berjalan dengan lancar dan teratur, sekali gus membolehkan jemaah terus menaiki bas yang disediakan untuk dibawa ke hotel penginapan masing-masing sebaik sahaja selesai urusan ketibaan.

Ketibaan bakal-bakal jemaah haji turut disambut oleh Ketua Holiday Inn Bakkah cawangan Madinah di hotel-hotel penginapan masing-masing.

Bakal jemaah haji dari Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) ditempatkan di Hotel Maden Al Rawda, manakala bakal jemaah haji dari Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. (SCA) ditempatkan di Hotel Sanabel Madinah dan Hotel Dar At Taqwa Madinah.

Sementara itu, beg-beg bagasi jemaah telah diuruskan oleh Saudi Post Logistics (SPL) dan dihantar terus ke hotel penginapan masing-masing berpandukan tanda pengenalan melalui *tagging* yang dibuat semasa proses pengumpulan bagasi awal di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Pasport bakal-bakal jemaah haji

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

pula telah dikumpulkan dan disimpan oleh pihak Syarikat Holiday Inn Bakkah cawangan Madinah sebelum diserahkan semula kepada setiap Syarikat Pengendali Perkhidmatan Haji semasa pergerakan jemaah haji dari Madinah Al-Munawwarrah ke

Makkah Al Mukarramah nanti. Pengumpulan pasport tersebut juga adalah bagi tujuan penyelarasan pengeluaran kad nusuk jemaah sebelum kad berkenaan diagihkan kepada para jemaah haji pada keesokan harinya.

>> Muka 10

Kumpulan sasar bagi kajian berkenaan merangkumi pembuat dasar daripada Kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan perusahaan, persatuan perniagaan serta badan pemikir berkaitan dasar yang menyokong pembangunan ekonomi dan pembangunan mampan.

Melalui kajian berkenaan, pembuat dasar dihasratkan akan dilengkapi dengan dapatan serta cadangan strategik berasaskan bukti bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk pertumbuhan Perniagaan Inklusif, perusahaan sosial dan usahawan kurang berkemampuan.

Selain itu, kajian berkenaan diharap dapat memperkukuh penglibatan pihak berkepentingan melalui perkongsian pengetahuan serta peningkatan kesedaran mengenai potensi Perniagaan Inklusif sebagai pendekatan untuk memperluas peluang ekonomi dan menyokong usahawan kurang berkemampuan berkembang secara mampan.

Pelaksanaan kajian berkenaan mencerminkan komitmen NBD dalam memperkukuh ekosistem perniagaan yang lebih inklusif, mampan dan berdaya tahan.

Sebagai agensi yang berperanan dalam menyokong pembangunan perusahaan dan pertumbuhan sektor swasta, penglibatan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) adalah selaras dengan usaha memperluas peluang ekonomi, memperkukuh perusahaan sosial serta membantu lebih ramai usahawan kurang berkemampuan berkembang bersama ekonomi negara.

Melalui kerjasama antara sektor awam, sektor swasta dan rakan strategik, kajian berkenaan diharap dapat menyokong pembangunan dasar serta program yang lebih berkesan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat memberi manfaat kepada lebih ramai lapisan masyarakat.



MINDA PEMBACA

Kesedaran autisme dalam masyarakat moden

DALAM masyarakat moden yang serba maju ini, terdapat satu golongan yang masih sering disalah faham dan kurang diambil perhatian terhadap kehidupan mereka. Mereka adalah individu autisme. Kesedaran orang ramai terhadap autisme masih berada pada tahap yang membimbangkan. Masalah sebenar bukanlah autisme itu sendiri, tetapi kekurangan kefahaman masyarakat terhadap golongan ini.

Ramai yang masih salah faham dan menganggap individu autisme sebagai pelik atau tidak normal. Hakikatnya, autisme bukanlah satu kekurangan, sebaliknya merupakan satu perbezaan

dalam cara mereka berfikir, berkomunikasi dan berinteraksi. Mereka melihat dunia dari sudut yang berbeza, namun tetap mempunyai potensi yang besar jika diberi peluang yang sewajarnya.

Tanpa kita sedari sepenuhnya, individu autisme juga sebenarnya berdepan dengan pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian. Antaranya termasuk kesukaran berkomunikasi, sensitiviti terhadap bunyi dan cahaya, serta kesukaran menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak autisme mungkin mengalami tekanan melampau di tempat awam yang

bising, lalu bertindak di luar jangkaan. Malangnya, situasi sebegini sering disalah tafsir oleh masyarakat yang kurang memahami keadaan mereka.

Oleh itu, kesedaran masyarakat amat penting dalam menghapuskan stigma terhadap golongan ini. Pendidikan inklusif di sekolah, kempen kesedaran melalui media, serta sikap empati dalam kalangan masyarakat mampu mewujudkan persekitaran yang lebih menyokong. Perubahan tidak hanya bergantung kepada dasar, tetapi juga bermula daripada sikap setiap individu.

Kesimpulannya, kesedaran terhadap autisme bukan sekadar satu

keperluan, malah merupakan tanggungjawab moral dalam membentuk masyarakat yang benar-benar bertamadun. Hanya melalui kefahaman dan empati, kita mampu membuka ruang kepada mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna dalam sebuah masyarakat yang harmoni dan inklusif.

Nama : Nur Lailatul Fitriah
binti Samali
No. K/P : 01-154XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2026
2. 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026
3. 'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENYOKONG EKOSISTEM TERUMBU KARANG BERKEMBANG DENGAN BAIK

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku tetamu kehormat menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan.

SERASA, Isnin, 4 Mei. – Pulau Pelong-pelongan merupakan kawasan perlindungan marin Negara Brunei Darussalam (NBD), dan ia menyokong ekosistem terumbu karang yang berkembang dengan baik, yang menyediakan tempat perlindungan, kawasan pembiakan dan kawasan pemakanan bagi pelbagai spesies ikan terumbu serta hidupan marin.

Lebih penting lagi, ia menjadi sebahagian daripada asas semula jadi yang menyokong kepelbagaian biodiversiti marin, keselamatan perikanan dan daya tahan ekosistem jangka panjang.

Tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab menjelaskan mengenai perkara berkenaan ketika berucap pada Majlis Pelancaran Ekspedisi Brunei Darussalam bertempat di Dewan Nur Huda, Jabatan Perikanan, Serasa, Muara.

Ekspedisi berkenaan juga katanya, dilihat sebagai platform

penting untuk menggalakkan kerjasama saintifik, pertukaran pengetahuan serta pembangunan kapasiti dalam bidang sains marin.

Seiring dengan komitmen negara terhadap pengurusan sumber marin secara mampan tambahna lagi, NBD telah melaksanakan pelbagai langkah bagi melindungi biodiversiti marin, antaranya penubuhan Kawasan Perlindungan Marin (Marine Protected Area - MPA) merangkumi lebih 20 peratus kawasan pengurusan perikanan yang mengandungi habitat penting seperti terumbu karang, kawasan asuhan dan pembiakan.

Selain itu jelasnya, pelaksanaan moratorium ke atas pengeluaran lesen alat pukat tunda yang telah dilaksanakan sejak 2001, termasuk pengharaman ke atas penangkapan dan perdagangan ikan yu yang dikuatkuasakan sejak 2012.

"Langkah-langkah ini membantu mengekalkan populasi ikan, menyokong pemulihan stok

perikanan serta meningkatkan daya tahan ekosistem marin terhadap perubahan persekitaran.

"Selaras dengan komitmen untuk memperkukuh inisiatif pemuliharaan dan memastikan pengurusan sumber perikanan yang mampan, NBD telah melaksanakan syarat saiz minimum tangkapan bagi udang kara dan ketam dengan ukuran panjang karapas masing-masing 7.5 sentimeter (cm) dan 11.5cm, termasuk larangan menangkap udang kara dan ketam yang membawa telur, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026," ujarnya.

Dayang Hajah Tutiaty seterusnya berkata oleh itu, ekspedisi saintifik seperti berkenaan memainkan peranan penting dalam membantu kita membuat keputusan yang berasaskan maklumat, ia menyediakan data, bukti dan pemahaman yang diperlukan untuk membimbing tindakan pemuliharaan, memperkukuh pengurusan perikanan serta melindungi habitat marin yang kritikal untuk generasi akan datang.

Tetamu kehormat majlis juga berharap galakan terhadap kajian saintifik dalam bidang sains marin akan mewujudkan peluang kerjasama antara penyelidik tempatan dan antarabangsa, menggalakkan pertukaran ilmu serta memperkukuh kapasiti teknikal dalam pemantauan biodiversiti marin, penilaian terumbu karang dan pengurusan berasaskan ekosistem.

"Kepakaran, pemerhatian dan cadangan awda akan membantu kami memahami dengan lebih mendalam kepentingan ekologi Pulau Pelong-pelongan serta menyumbang kepada pengetahuan yang lebih luas mengenai sistem terumbu karang di rantau ini.

"Saya menggalakkan semua peserta untuk melaksanakan tugas dengan rasa ingin tahu, dedikasi dan tanggungjawab bersama.

"Setiap kajian, sampel, pemerhatian dan data yang dikumpulkan sepanjang ekspedisi ini akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih kukuh mengenai ekosistem marin kita," ujarnya lagi.

Turut hadir, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar serta Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Doa Selamat dan ucapan daripada tetamu kehormat majlis, diikuti dengan upacara pelepasan rasmi bagi Ekspedisi Brunei Darussalam bertemakan 'Melestarikan Lautan Kita : Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan Lautan Demi Masa Depan Biru' bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2026.

Ekspedisi berkenaan bertujuan untuk menilai sumber marin, mengemas kini data asas serta memahami keadaan semasa ekosistem terumbu karang di kawasan perairan Pulau Pelong-pelongan.

Hasil dapatan daripada ekspedisi berkenaan dijangka akan menyumbang kepada usaha pemuliharaan, memperkukuh pengurusan perikanan serta meningkatkan ketahanan habitat marin kritikal.

Ekspedisi yang akan berlangsung selama tiga hari, bermula hari ini hingga 6 Mei 2026, memfokuskan kepada kajian menyeluruh terhadap kesihatan dan kelestarian ekosistem marin, khususnya terumbu karang di kawasan perairan Pulau Pelong-pelongan.

Ekspedisi menghimpunkan penyelidik antarabangsa dari



Center for Ocean Plastic Studies Universiti Kyushu Jepun, Aerial Recon and Recovery (ARRI) dari United Kingdom, dan Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC) dari Thailand bersama penyelidik dan pakar tempatan antaranya dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Poni Marine dan Poni Foundation.

Dianjurkan oleh Jabatan Perikanan, KSSUP dengan kerjasama Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER) UBD, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Poni Group Sdn. Bhd., ekspedisi berkenaan menyediakan platform bagi menyatukan pakar-pakar dan penyelidik tempatan serta antarabangsa untuk bertukar-tukar pengetahuan, berkongsi amalan terbaik, dan mengeratkan kerjasama dalam pengurusan ekosistem marin.

Hasil penemuan-penemuan saintifik daripada ekspedisi berkenaan juga dijangka akan menyumbang kepada pengukuhan rangka kerja pemuliharaan biodiversiti NBD dalam mendukung pertumbuhan ekonomi biru ke arah pembangunan yang mampan.

Selain itu, hasil dapatan kajian-kajian melalui ekspedisi berkenaan juga akan dibentangkan semasa Persidangan 'Melestarikan Lautan Kita : Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan Lautan Demi Masa Depan Biru' yang dijadualkan akan berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor, UBD pada 2 hingga 4 Jun 2026.

ALAI PINTAR 172

SOALAN 6 MEI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Mengapakah kita perlu menjaga alam sekitar?
 - Supaya bumi menjadi panas
 - Untuk membina lebih banyak kilang
 - Untuk kesihatan dan kesejahteraan hidup
- Siapakah yang bertanggungjawab menjaga kebersihan sekolah?
 - Guru sahaja
 - Murid sahaja
 - Semua warga sekolah
- Pilih perkataan yang berlawanan maksud perkataan 'murah'?
 - Sedikit
 - Banyak
 - Mahal

TARIKH TUTUP : 16 MEI 2026

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 171 :

Nama : Mohammad Norkhairul Hadi Waiez bin Kamsani
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125321-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin

Nama : Nur Alya Syaqqillah binti Mohammad Afendy
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0157041-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin

Nama : Nur Aleesya Airis binti Abdur Zahir
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0153272-01. Sekolah : Sekolah Rendah Sengkurong

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 171

- B - Air
- B - Takut
- B - 110 Minit

INFO Teknologi



Pembayaran tanpa sentuhan memudahkan perniagaan

Pendahuluan

PEMBAYARAN tanpa sentuhan ialah cara membayar tanpa memasukkan kad debit atau kredit ke dalam mesin kad yang digunakan untuk membuat pembayaran atau menyerahkan wang tunai secara fizikal. Untuk melakukan transaksi pembayaran, pembeli hanya mengetuk atau mendekatkan kad debit atau kredit ke permukaan peranti pembayaran. Pembayaran tanpa sentuhan juga boleh dilakukan tanpa menggunakan kad debit atau kredit fizikal tetapi dengan menggunakan telefon pintar dengan cara mendekatkan telefon berhampiran terminal *point-of-sale* yang serasi atau menggunakan kod QR. Cara pembayaran tanpa sentuhan berfungsi ialah dengan menggunakan peranti yang dimuatkan teknologi tanpa wayar jarak dekat untuk menghantar data pembayaran yang disulitkan (*encrypted*) ke terminal.

Kaedah pembayaran tanpa sentuhan

Pembayaran tanpa sentuhan biasanya menggunakan kad EMV (Europay, MasterCard, Visa) tanpa sentuhan atau aplikasi dompet mudah alih seperti Apple Pay dan Google Wallet. Kad EMV merupakan kad pembayaran yang dimuatkan dengan cip pintar yang mematuhi piawaian EMV.

Ciri utama kad ini ialah cip mikro yang dibina ke dalam kad untuk menyimpan data dan menjalankan kriptografi untuk setiap transaksi. Semasa transaksi dilakukan cip menghasilkan kod unik atau *cryptogram* untuk setiap pembayaran, menjadikan transaksi sukar untuk digandakan. Kaedah ini lebih selamat daripada penggunaan jalur magnetik kerana tokenisasi / kriptografi mengurangkan risiko penipuan menggunakan pengklonan kad. Dengan teknologi terkini, jam pintar dan gelang kunci juga boleh digunakan untuk melakukan pembayaran tanpa sentuhan.

Satu kaedah yang semakin banyak digunakan ialah pembayaran menggunakan kod QR. Kod QR hanyalah cara visual untuk menyimpan data (seperti URL atau butiran pembayaran). Apabila pembeli mengimbasnya dengan telefon, aplikasi pembayaran akan membaca data tersebut dan menggunakannya untuk menyelesaikan transaksi. Terdapat dua jenis utama pembayaran kod QR, yang pertama ialah kod QR yang disediakan oleh peniaga yang memerlukan pelanggan untuk mengimbas dan yang kedua, kod QR yang disediakan pelanggan untuk peniaga mengimbas.

Untuk cara pertama, di mana peniaga yang menyediakan kod QR, peniaga akan menjana kod QR dan ia akan muncul pada resit, skrin, atau pelekat bercetak. Kod ini

mengandungi ID pembayaran peniaga, jumlah (pilihan), dan mata wang. Pelanggan mengimbas kod menggunakan aplikasi perbankan atau pembayaran dan kemudian aplikasi yang digunakan akan membaca data dan mengenali bahawa ia adalah permintaan pembayaran dan pelanggan akan mengesahkan jumlah sebelum meluluskan pembayaran. Aplikasi menunjukkan jumlah (atau membenarkan pelanggan memasukkannya). Pelanggan mengesahkan dengan PIN, cap jari, atau Face ID. Kod QR juga boleh digunakan untuk memproses pembayaran dengan cara memindahkan wang dari akaun pelanggan ke akaun peniaga. Dengan cara ini kedua-dua pihak akan menerima notifikasi. Peniaga mungkin mendapat bunyi atau paparan pengesahan.

Bagi pembayaran menggunakan kod QR yang dijana oleh pelanggan, pelanggan akan mula-mula membuka aplikasi pembayaran. Aplikasi tersebut akan menjana kod QR dinamik yang unik dan hanya sah untuk tempoh masa yang singkat. Peniaga akan mengimbas kod QR tersebut menggunakan pengimbas *counter* atau kamera *tablet*. Pengimbas akan membaca ID akaun pelanggan dan sistem peniaga akan mencipta permintaan pembayaran dan menghantarnya kepada pemproses pembayaran. Pelanggan kemudian akan meluluskan caj dan mendapat resit elektronik.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

Keselamatan penggunaan pembayaran tanpa sentuhan

Secara am, penggunaan pembayaran tanpa sentuhan adalah selamat. Akan tetapi tahap keselamatan bergantung pada teknologi, pelaksanaan dan kewaspadaan pengguna. Adalah wajar untuk kedua-dua pelanggan dan peniaga mengambil langkah-langkah keselamatan untuk perlindungan diri sendiri. Sebelum mengimbas apa-apa kod QR untuk pembayaran atau apa-apa transaksi, periksa dahulu sama ada kod QR kelihatan ditempel, tercalar, atau ditampal atas kod lain. Pastikan nama peniaga di aplikasi sama dengan nama kedai fizikal. Jangan imbas QR dari sumber tidak dikenali dan sebelum mengesahkan pembayaran, semak dahulu jumlah dan nama penerima. Guna aplikasi pengimbas yang memaparkan URL sebelum membuka laman sesawang dan simpan bukti transaksi / notifikasi. Untuk peniaga, pastikan kod QR adalah statik dan dilindungi serta terletak di kawasan yang diawasi dan jangan sesekali menghantar 'QR Bayar' daripada aplikasi perbankan peribadi kepada pembeli. Guna aplikasi pembayaran rasmi dan sahkan notifikasi penerimaan sebelum melepaskan barangan yang dijual.





Rehlatul Ukhuwah Penerangan platform 'mengalinga' kesejahteraan rakyat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

PELBAGAI usaha dan inisiatif telah dilaksanakan ke arah mengukuhkan hubungan antara kerajaan dan masyarakat di negara ini. Dalam hal ini, pendekatan yang inklusif dan menyeluruh adalah sangat penting apatah lagi untuk mendekati masyarakat yang berada di kawasan pedalaman.

Salah satu inisiatif yang mencerminkan komitmen kerajaan dalam memeduli kebijakan masyarakat adalah melalui program Rehlatul Ukhuwah yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. Melalui program ini, Jabatan Penerangan selaku agensi peneraju telah menghubungkan bukan sahaja jabatan ini malahan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta dengan masyarakat setempat tanpa mengira kawasan bandar mahupun pedalaman bagi mendekati dan mendengarkan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

Latar belakang program

Sebelum ini dikenali sebagai Program Menyusur Mukim dan Kampung bagi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian (JPAK) dan Jabatan-jabatan Kerajaan (JJK), program ini sebelumnya telah diadakan di Mukim Labu, Daerah Belait pada tahun 2005 dengan disertai oleh seramai 61 orang. Setelah itu program diadakan pada tahun 2006 ke Daerah Temburong dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2006 dan disertai oleh seramai 105 orang daripada ahli-ahli JPAK dan JJK serta media.

Penjenamaan baharu

Pada tahun 2023, program serupa telah dilaksanakan di Mukim Sukang, Daerah Belait dengan penjenamaan baharu dan

dikenali sebagai Program Rehlatul Ukhuwah Penerangan. Program ini masih mengekalkan asas pelaksanaan sebelum ini iaitu untuk mendekati rakyat dan penduduk di negara ini bagaimanapun ia diperluaskan lagi dan bukan hanya difokuskan ke kawasan pedalaman. Sementara itu, rakan-rakan strategik bukan sahaja terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, bahkan juga pihak swasta yang mempunyai kepentingan orang ramai.

Matlamat

Pelaksanaan program ini adalah sebagai pelaksana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk merapatkan hubungan di antara agensi-agensi kerajaan dan penduduk-penduduk pedalaman supaya mereka tidak berasa terpinggir. Ketika Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-6 Majlis Mesyuarat Negara pada 11 Mac 2010 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah :

" ... pihak-pihak dalam kerajaan pula sentiasa berkewajipan untuk mendekati rakyat dan penduduk dengan maklumat-maklumat yang berguna supaya mereka dapat sama-sama merasakan betapa mustahaknya negara merancang dan membangun untuk kemajuan ... "

Rehlatul Ukhuwah Penerangan ke Daerah Tutong

Bagi tahun ini, Program Rehlatul Ukhuwah Penerangan yang membawa maksud

'Perjalanan Persaudaraan Penerangan', diadakan di Taman Warisan Tasek Merimbun, dengan penglibatan penduduk kampung di Mukim Ukong dan Mukim Rambai, Daerah Tutong. Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini dimulakan dengan penyampaian Potret Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, serta bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan bahan bacaan Jabatan Penerangan terkini di Sudut Penerangan yang ditempatkan di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampung Long Mayan, disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan kepada Pemangku Imam Balai Ibadat berkenaan, Awang Muhd. Ghazali bin Muhd Ariffin. Juga menyumbangkan bahan terbitan ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kementerian Pembangunan, dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Perjalanan diteruskan ke lokasi utama program iaitu Taman Warisan Tasek Merimbun, dimulakan dengan penyerahan Potret Wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kepada wakil Penghulu Mukim Ukong dan wakil Penghulu Mukim Rambai, diikuti dengan sesi permuakharahan.

Ketika memberikan ucapan balas pada program tersebut, Ketua Kampung Ukong, Awang Muhammad Hakimi bin Abdullah Gampar berkata kehadiran pihak kerajaan secara langsung ke Mukim Rambai dan Mukim Ukong adalah satu pendekatan yang sangat berkesan dalam memahami keperluan sebenar penduduk kampung di kedua-dua mukim tersebut. Program ini jelasnya membuka ruang kepada masyarakat untuk bertanya, berkongsi pandangan, serta menyuarakan isu-isu

setempat secara langsung dan berhemah. Awang Muhammad Hakimi berharap program ini akan memberikan manfaat yang berterusan dan menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti yang lebih progresif selaras dengan aspirasi negara.

Peluang bersempuka dengan agensi-agensi berkepentingan ini tidak disia-siakan oleh para penduduk kampung untuk berdialog bersama agensi-agensi kerajaan yang antaranya berkaitan dengan prasarana, keselamatan dan kemudahan awam serta hal-hal lain. Program kali ini disertai oleh perwakilan dari Jabatan Perdana Menteri : Jabatan Perkhidmatan Elektrik, PPDB; KKBS : Jabatan Muzium-muzium Brunei; KSSUP : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kemajuan Pelancongan; Kementerian Pembangunan : Jabatan Kerja Raya Cawangan Daerah Tutong, Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah, Jabatan Saliran dan Pembetulan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi); dan Kementerian Hal Ehwal Ugama : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong.

Harapan

Dengan pengendalian program seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan kefahaman masyarakat setempat mengenai aktiviti dan inisiatif kerajaan dan juga pihak swasta untuk membangunkan serta memajukan negara dalam usaha untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Selain itu program juga diharap akan mengukuhkan hubungan mesra dan saling kepercayaan di antara pihak kerajaan, pihak-pihak berkepentingan dengan setiap lapisan masyarakat di negara ini serta memaparkan imej baik kerajaan dalam *mengalinga* dan mendengarkan hal ehwal dan kesejahteraan rakyat dan hal ehwal penduduk.



17 TERIMA SIJIL KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para penerima.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mei. - Seramai 17 peserta telah lulus pemeriksaan secara teori dan praktikal bagi Kursus Asas Pemandu Pelancong Ke-18 dan menerima sijil masing-masing dalam majlis penyampaian sijil di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Kursus yang dikendalikan selama 10 hari, 30 Mac hingga 11 April 2026, itu antara lain bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran pemandu pelancong dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak piawaian yang telah ditetapkan.

Selain itu, ia juga dilaksanakan untuk menyelaras maklumat dan informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong adalah tepat dan betul serta membuka peluang-peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan khususnya dalam kalangan belia di negara ini.

Kursus ini juga adalah salah satu

pra syarat bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mana-mana individu yang berkeinginan untuk menjadi Pemandu Pelancongan yang berlesen di negara ini.

Seramai 250 pemandu pelancong telah pun berdaftar di Jabatan Kemajuan Pelancongan dan menamatkan kursus tersebut setelah Kursus Asas Pemandu Pelancong diperkenalkan semenjak tahun 2016 secara kerjasama di antara pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan pihak Laksamana College of Business, iaitu sebuah institusi yang telah dilantik bagi mengendalikan Kursus Asas Pemandu Pelancong di Negara Brunei Darussalam.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas tersebut, adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP untuk mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong.

Mana-mana individu yang belum berdaftar dan belum mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong adalah menjadi satu kesalahan jika didapati mengendalikan perkhidmatan pemandu pelancong tanpa lesen yang sah atau mengiklankan / menawarkan perkhidmatan pelancongan persendirian dan boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 20(3) Akta Pelancongan, Penggal 239 iaitu bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi BND5,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda dikenakan tidak melebihi BND10,000.

Kerjaya profesion sebagai pemandu pelancong sememangnya sangat-sangat diperlukan dalam sektor pelancongan di negara ini. Penganjuran kursus ini adalah selaras dengan Brunei Darussalam Tourism Industry Roadmap dalam membangunkan sektor pelancongan melalui peningkatan

sumber manusia yang profesional dan kompeten.

Para peserta juga diharapkan agar dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam menjalankan tugas sebagai pemandu pelancong, seterusnya menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan negara.

Memandangkan adanya keperluan dan permintaan tinggi bagi pemandu pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan mempelawa para belia terutamanya yang sedang dan masih mencari pekerjaan untuk mengikuti kursus yang ditawarkan.

Pendaftaran kursus akan dibukakan bagi penyertaan orang ramai dan kursus seterusnya akan diadakan pada bulan Oktober 2026. Bagi sebarang pertanyaan, pendaftaran dan maklumat lanjut, pihak yang berminat bolehlah menghubungi Laksamana College of Business.

Perluaskan maklumat ASEAN melalui Jerayawara Kenali ASEAN



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Isnin, 4 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Maktab Anthony Abell, Seria bertempat di dewan utama maktab berkenaan.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Guru Kanan Pentadbiran, maktab tersebut, Awang Muhammad Anizn bin Abdullah Langkan dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 138 pelajar yang terdiri daripada pelajar Tahun 7 dan 8.

Taklimat tersebut adalah untuk menanamkan kesedaran khususnya dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Guru Kanan Pentadbiran sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengamalkan hala tuju negara satu masa nanti.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Sambal Goreng Daging Kampung Beribi

Gula Melaka
Secukup rasa

BAHAN-BAHANNYA :

BAHAN A
500g - 1kg daging lembu (potong dadu)
5 - 6 biji ubi kentang (potong halus seperti batang mancis dan goreng sehingga garing, ketepikan)

BAHAN B
10 - 15 biji bawang merah
8 ulas bawang putih
3 batang serai
1 - 2 inci lengkuas
1 inci halia
6 - 10 biji lada merah besar (ikut kepedasan masing)

*Kisar kesemua **BAHAN B**

BAHAN C
Kulit kayu manis
Bunga lawang
Daun salam @ daun bay
Daun limau purut (ikut selera masing-masing)
1 sdm Serbuk ketumbar
1 sdm Serbuk jintan manis
1 sdt Serbuk lada sulah (ikut selera)

BAHAN D
Air asam jawa
Garam

CARA-CARA MEMASAKNYA :
Tumiskan Bahan B dan C sehingga masak dan pecah minyak kemudian masukkan daging yang telah dipotong dadu. Lalu masak sehingga daging empuk dan perasakan dengan Bahan D (jangan terlalu berkuah dan kering sedang sahaja). Setelah masak tutup api biarkan daging sejuk seketika. Apabila daging sejuk masukkan ubi kentang yg telah digoreng tadi dan gaulkan sehingga sebat. Boleh tambahkan kacang goreng atau gajus sebagai hiasan.

PBB SALUR AS\$98 JUTA DANA KECEMASAN UNTUK MOZAMBIQUE



LUSAKA, 5 Mei. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyalurkan hampir AS\$98 juta dana kecemasan bagi menyokong penduduk yang terjejas akibat konflik dan bencana berkaitan iklim di Mozambique, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Dana ini akan membantu menangani keperluan mendesak komuniti, termasuk makanan untuk keluarga yang kehilangan tanaman dan sumber pendapatan, bekalan air minuman selamat bagi komuniti

yang sumber airnya ditenggelami atau tercemar, serta perkhidmatan kesihatan untuk mereka yang terputus daripada perkhidmatan asas," kata Penyelaras Kemanusiaan PBB Catherine Sozi dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mozambique kini berdepan pelbagai cabaran serentak termasuk konflik di wilayah utara Cabo Delgado yang menyebabkan keluarga kehilangan tempat tinggal serta menjejaskan sumber rezeki, selain banjir teruk dan taufan di

wilayah tengah dan selatan yang memusnahkan kediaman, mencemarkan sumber air dan merosakkan perkhidmatan penting.

Sozi berkata dana itu turut akan menyokong mereka yang kehilangan tempat tinggal dengan menyediakan perlindungan kecemasan dan bantuan asas, manakala aspek perlindungan kekal menjadi keutamaan, khususnya bagi wanita dan kanak-kanak serta individu yang berisiko menjadi mangsa keganasan.

"Dana ini akan menyumbang kepada Pelan Keperluan dan Tindak Balas Kemanusiaan 2026, yang memerlukan AS\$534 juta bagi

membantu 1.7 juta penduduk di seluruh negara dengan bantuan kemanusiaan," tambahnya. - ©BERNAMA

Saintis Fao beri amaran penyakit pisang TR4,ancam ladang di seluruh dunia

PHNOM PENH, 4 Mei. - Saintis makanan antarabangsa memberi amaran mengenai penyakit kulat yang mengancam pokok pisang kini menjejaskan tanaman itu di Asia Tenggara dan seluruh dunia.

Penyakit yang selama beberapa dekad belum dapat diatasi meletakkan mata pencarian dan keselamatan makanan dalam risiko.

Petani di negara pengeluar pisang utama iaitu dari Republik Indonesia dan Afrika hingga Amerika Selatan tetap menggeruni Fusarium Wilt yang boleh menyebabkan pokok mati dan biasanya dikenali sebagai Tropical Race 4 (TR4).

Petani sudah pun berdepan cuaca buruk yang menjejaskan pengeluaran selain kos tinggi dan kekurangan bahan api serta baja akibat konflik Asia Barat. Ancaman tambahan TR4 lebih memburukkan keadaan dan menjejaskan lagi pendapatan mereka.

"Fusarium Wilt TR4 kekal menjadi kebimbangan utama di Asia Tenggara dan di seluruh dunia, kerana ia ialah patogen bawaan tanah yang sangat merosakkan yang terus berada di dalam tanah selama beberapa dekad sertatidak dapat dikawal secara efektif sebaik sahaja ia muncul," kata Setiausaha Sekretariat Forum Pisang Sedunia Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), Victor Prada kepada Bernama.

"Apabila (kulat itu) ada, ia menyebabkan kerugian hasil yang teruk, boleh menjadikan tanah tidak sesuai untuk pengeluaran pisang dalam jangka masa panjang dan meningkatkan kos pengeluaran dengan ketara disebabkan keperluan untuk langkah pencegahan, biosekuriti dan pembendungan yang ketat, menjadikannya ancaman berterusan dan tidak dapat diselesaikan pengeluar pisang di seluruh dunia".

Para saintis makanan di seluruh dunia telah menjalankan eksperimen selama bertahun-tahun untuk menghapuskan ancaman TR4 namun tidak dapat menghentikan patogen daripada merebak, yang biasanya menyerang akar pisang.

Varieti pisang, termasuk Cavendish, yang popular dalam kalangan petani, pengguna global dan varian yang banyak dieksport, turut terdedah kepada kulat.

Sebagai contoh, Fusarium Wilt, yang juga digelar penyakit Panama, menghapuskan lebih 15,000 hektar ladang Cavendish di Mindanao di Republik Filipina pada 2015.

Di rantau ini, Republik Indonesia dan Republik Filipina kekal sebagai pengeluar pisang utama, buah yang membekalkan nutrisi dan talian hayat untuk jutaan petani desa.

Republik Indonesia ialah pengeluar pisang ketiga terbesar dunia dengan kira-kira sembilan juta tan metrik dihasilkan setiap tahun. Republik India ialah pengeluar utama dunia dengan kira-kira 38 juta tan metrik, diikuti oleh Republik Rakyat China dengan 12 juta tan metrik.

Bagaimanapun, sumpahan TR4 terus menghantui jutaan petani di Asia Tenggara; ia bukan sahaja mengenai risiko pada pekerjaan luar bandar, tetapi ia boleh merosakkan ekonomi.

"TR4 kekal sebagai cabaran utama bagi petani kami yang tiada penyelesaian kerana apabila kulat sudah berada di dalam tanah, sukar untuk mengeluarkannya atau mengawalinya daripada merebak. "Sekiranya ladang pisang dijangkiti, kami perlu tinggalkan atau membakar keseluruhan kawasan. Kami melakukan tanaman selingan untuk menghentikan penyebaran TR4 dengan menanam kopi dan koko," kata Pengerusi Koperasi Peladang Green Makmur Sigit Wicaksono

(Koperasi Produsen Tani Hijau Makmur) kepada Bernama dari Lampung, Republik Indonesia.

Provinsi Lampung merupakan pengeluar pisang utama di Republik Indonesia.

Prada memberi amaran: "Penyebaran TR4 merentasi wilayah berbeza menimbulkan ancaman besar kepada keselamatan makanan dan mata pencarian, kerana pisang ialah makanan ruji dan sumber pendapatan utama bagi jutaan orang, dan penyakit itu boleh menyebabkan kehilangan hasil yang teruk serta ketidakproduktiviti tanah jangka panjang".

Jumlah eksport pisang global mencecah 25 juta tan metrik tahun lepas, bernilai kira-kira AS\$17 bilion (RM67 bilion).

Penyelidik bagaimanapun masih belum berputus asa.

Para saintis Republik Rakyat China membangunkan tanaman tahan penyakit, varian Zhongre No. 1, yang dilaporkan menjadi kejayaan utama.

"Vetite yang berpotensi seperti Zhongre No. 1 ialah langkah penting ke hadapan, tetapi ia bukan penyelesaian lengkap, kerana ia tidak kebal dan masih boleh dijangkiti dan menyebarkan patogen," kata Matheus Lima, Jurutera Pertanian dan Pakar Kelestarian di Sekretariat Forum Pisang Dunia, kepada Bernama.

Pekebun kecil terus berdepan cabaran daripada sumber yang terhad, kesedaran dan akses kepada kepakaran teknikal untuk mengenal pasti penyakit itu tepat pada masanya, katanya.

"Oleh itu, pencegahan dan pengurusan TR4 yang berkesan memerlukan usaha kolektif dan berterusan, merentas kerajaan, industri dan petani, dengan penyelarasan yang lebih kukuh di sepanjang rantaian nilai, pembinaan kapasiti berterusan dan praktikal di semua peringkat," kata Matheus. - ©BERNAMA

Pertamina Republik Indonesia naikan harga bahan api tanpa subsidi,kekalkan harga bersubsidi

JAKARTA, 4 Mei. - Syarikat minyak milik Kerajaan Republik Indonesia, Pertamina menaikkan harga beberapa produk bahan api tanpa subsidi berkuat kuasa Isnin, sementara mengekalkan harga bahan api bersubsidi serta gred petrol utama.

Kenaikan paling tinggi dicatatkan bagi bahan api diesel tanpa subsidi Pertamina Dex (CN 53), yang meningkat sebanyak Rp4,000 (RM0.92) kepada Rp27,900 (RM6.18) seliter daripada Rp23,900 (RM5.47), menurut Agensi Berita Antara pada Isnin.

Ini diikuti oleh bahan api diesel Dextrite (CN 51), yang meningkat kepada Rp26,000 (RM5.95) seliter daripada Rp23,600 (RM5.40), serta petrol Pertamina Turbo (RON 98), yang naik kepada Rp19,900 (RM4.55) seliter daripada Rp19,400 (RM4.44).

Sementara itu, harga petrol tanpa subsidi Pertamina (RON 92) kekal tidak berubah pada Rp12,300 (RM2.80) seliter, manakala Pertamina Green (RON 95) kekal pada Rp12,900 (RM2.95) seliter, paras yang dikekalkan sejak Mac.

Produk bahan api bersubsidi turut kekal tidak berubah, dengan petrol Pertamina berharga Rp10,000 (RM2.29) seliter dan diesel Biosolar pada Rp6,800 (RM1.56) seliter.

Pertamina menyatakan bahawa pelarasan itu selaras dengan dasar penetapan harga bahan api Republik Indonesia yang ditetapkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Mineral, yang mengawal formula harga asas bagi bahan api runcit yang dijual di stesen minyak. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 2 maut, 37 cedera kereta rempuh orang ramai di Colombia- Laporan

MOSCOW, 4 Mei. - Sekurang-kurangnya dua orang maut manakala 37 lagi cedera apabila sebuah kereta merempuh orang ramai pada pameran Monster Truck 2026 di selatan Colombia, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Menurut penyiar Noticias Caracol, acara itu diadakan di bandar Popayan di wilayah Cauca.

Gabenor Cauca Octavio Guzman mengesahkan jumlah mangsa dan menyatakan solidariti terhadap mereka yang terjejas akibat kejadian itu. - ©BERNAMA

AS masih dan akan kekal sebagai rakan terpenting NATO

ISTANBUL, 4 Mei. - Canselor Republik Persekutuan Jerman Friedrich Merz berkata pada lewat Ahad "Amerika Syarikat (AS) masih dan akan kekal sebagai rakan kongsi terpenting Jerman" dalam NATO, lapor Anadolu Ajansi.

"Kami berkongsi matlamat yang sama: Iran tidak boleh dibenarkan memperoleh senjata nuklear," katanya di X.

Kenyataan Merz dibuat ketika ketegangan antara Washington dan Berlin selepas beliau baru-baru ini mengkritik AS kerana tidak mempunyai "strategi keluar" dalam perang Republik Islam Iran sambil mengatakan bahawa Amerika "dimalukan" oleh rejim Republik Islam Iran semasa rundingan.

Merz berkata pada Ahad, AS tidak akan menempatkan peluru berpandu jelajah Tomahawk di Republik Persekutuan Jerman buat masa ini, menegaskan bahawa keputusan itu tidak dikaitkan dengan kritiknya terhadap Presiden Donald Trump.

"Pihak Amerika tidak mempunyai yang cukup untuk diri mereka sekarang. Secara objektif, hampir tidak ada kemungkinan AS membekalkan sistem senjata seperti ini," kata Merz kepada penyiar awam ARD dalam satu temu bual.

Pada Sabtu, Trump berkata AS merancang untuk mengurangkan kehadiran tenteranya di Republik Persekutuan Jerman, berikutan keputusan awal untuk mengurangkan pasukan di negara itu.

"Kami akan mengurangkan (anggota tentera) dan kami akan mengurangkan lebih daripada 5,000," katanya kepada pemberita di Florida apabila ditanya mengenai langkah itu. - ©BERNAMA

Muzium Al-Quran pameran naskhah Al-Quran diukir pada loyang abad ke-18

MAKKAH, 4 Mei. - Muzium Al-Quran di Daerah Budaya Hira di Makkah menawarkan pengalaman budaya dan ilmu yang kaya, membolehkan pengunjung meneroka sejarah Al-Quran dan ilmu-ilmunya, lapor Agensi Berita Arab Saudi.

Muzium itu mempamerkan manuskrip dan artifak jarang ditemui yang mendokumentasikan perjalanan penyalinan Al-Quran sepanjang zaman, mencerminkan perhatian yang diberikan oleh umat

Islam terhadap Al-Quran sejak awal Islam hingga kini.

Antara pameran istimewa muzium itu ialah satu naskhah Al-Quran yang diukir pada kepingan loyang yang bertarikh abad ke-12 Hijrah (abad ke-18 Masihi), memaparkan ketelitian dan kemahiran tinggi dalam kesenian Islam serta perhatian khusus yang diberikan terhadap penyalinan Al-Quran, menggabungkan keindahan dan ketepatan ilmiah.

Karya seni itu melambangkan kesinambungan tradisi berakar umbi dalam seni khat dan hiasan Islam, dengan penggunaan pelbagai bahan dan teknik daripada kulit haiwan dan kertas hingga logam, sekali gus menonjolkan hubungan mendalam umat Islam dengan Al-Quran serta komitmen mereka dalam memeliharanya melalui bentuk seni yang menggabungkan kreativiti dan penghormatan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MEMAKSIMUMKAN POTENSI MASA HADAPAN BIDANG BELIA, SUKAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asia Tenggara Mengenai Belia dan Sukan 2026 yang telah berlangsung baru-baru ini di Bali, Republik Indonesia.

BALI, REPUBLIK INDONESIA, Selasa, 5 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad telah menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Asia Tenggara Mengenai Belia dan Sukan 2026 yang berlangsung di Bali, Republik Indonesia dari 3 hingga 5 Mei

2026. Mesyuarat tersebut, yang diterajui oleh Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Erick Thohir bertujuan menyediakan platform dialog peringkat tinggi ke arah memodenkan ekosistem sukan serantau serta membina generasi belia yang berdaya tahan.

Dengan tema 'Memperkuh Kerjasama Belia Asia Tenggara dan Diplomasi Sukan ke Arah Masa Depan yang Berdaya Tahan', mesyuarat ini memberi tumpuan kepada penyelarasan dasar serantau bagi memaksimumkan potensi masa hadapan dalam bidang belia dan sukan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Mesyuarat ini menghimpunkan para pemimpin serantau melalui tiga sesi meja bulat strategik yang memfokuskan kepada daya tahan belia, pembangunan sukan dan peningkatan profesionalisme ekosistem sukan.

Negara Brunei Darussalam (NBD) menekankan kepentingan untuk mengamalkan pendekatan yang seimbang dan berpandangan jauh terhadap isu-isu semasa, termasuk peranan teknologi digital, dalam menyokong kesejahteraan dan pembangunan belia.

Dalam memperkasa pembangunan sukan, Yang Berhormat menyatakan sokongan terhadap inisiatif yang dapat meningkatkan standard sukan serantau, di samping memelihara dan mempromosikan sukan tradisional sebagai sebahagian daripada warisan bersama ASEAN serta memperkuh potensinya dalam menjana nilai komersial dan manfaat ekonomi yang lebih luas.

Berhubung pemrofesionalan

ekosistem sukan, NBD mengalu-alukan inisiatif kerjasama serantau dan menekankan kepentingan penyelarasan yang lebih erat bagi memperkuh penyertaan serta pembangunan atlet di seluruh negara anggota.

Mesyuarat tersebut diakhiri dengan pemeteraian Deklarasi Bali Mengenai Belia dan Sukan 2026, yang mengukuhkan semua komitmen bersama untuk memajukan pembangunan belia dan kecemerlangan sukan di Asia Tenggara.

Mesyuarat ini telah didahului oleh Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Mengenai Belia dan Sukan pada 3 Mei 2026. Yang Berhormat juga telah mengadakan pertemuan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Menteri Pemuda dan Olahraga, Republik Indonesia.

Turut mengiringi Yang Berhormat sepanjang mesyuarat tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

DPMM FC tewas kepada Imigresen FC



IMIGRESEN FC telah menewaskan DPMM FC 3 - 1, menempatkan Imigresen FC di tangga keenam, manakala DPMM FC kekal di tangga kelapan.

berjaya membolosi gawang DPMM FC pada minit ke-51 melalui sepakan Mohd. Fadzlul Danel Mohd. Nizam.

Imigresen FC meneruskan dominasi dengan menjaringkan gol ketiga pada minit ke-89 melalui jaringan Mohd. Fayadh Mohd. Zulkifli Amin.

Keputusan perlawanan kekal 1 - 3 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

DPMM FC masih kekal di tangga kelapan dalam kedudukan liga manakala Imigresen FC berada di tangga keenam.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar RTBGo

KANGAR, PERLIS, Isnin, 4 Mei. - DPMM FC gagal meraih 3 mata penuh apabila tumpas 1 - 3 menentang Imigresen FC pada saingan Liga Super Malaysia

Musim 2025 / 2026 yang berlangsung malam tadi, di Stadium Tuanku Syed Putra, Kangar di sini. Pada babak pertama

perlawanan, DPMM FC bijak mengatur serangan sehingga mendahului Imigresen FC dengan menjaringkan gol pertama mereka pada minit ke-10, hasil sepakan Jordan David Murray.

Selang tiga minit kemudian, pasukan tuan rumah Imigresen

FC pula tidak membuang peluang keemasan sekali gus menghadiahkan gol pertama pasukan mereka melalui rembatan Wilmar Jordan Gil.

Sementara pada separuh masa kedua, Imigresen FC terus menguasai permainan dan

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSAMA-SAMA KITA MENJAYAKAN NEGARA INI SEBAGAI NEGARA ZIKIR